

"Ya Allah, Ya Tuhan kami,
 kiranya kami ini sudah
 terlanjur mengukuri
 nikmat-Mu dengan
 kelakuan-kelakuan kami yang
 Engkau tidak redai, maka
 Engkau ampunkanlah kami dan
 kasihanilah kami dengan
 menarik balik wabak
 koronavirus daripada negara
 kami. Ya Allah mohon supaya
 Engkau bersihkan negara kami
 ini daripada wabak
 sebersih-bersihnya. Amin.
 Wahasbunallahu
 Wani'malwakeel, Walahaula
 Walaa Qowwata Illa Billahil
 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu
 Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas
 Kebawah Duli Yang Maha Mulia
 Paduka Seri Baginda Sultan
 dan Yang Di-Pertuan
 Negara Brunei Darussalam
 pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah
 bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi
 di Istana Nurul Iman.

HADIRKAN SIFAT SABAR, SYUKUR PADA KEIMANAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama
 antara yang menyertai Malam Munajat berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25
 Disember. - Sifat sabar dan syukur
 merupakan antara sifat terpuji yang
 sepatutnya dimiliki oleh setiap mukmin.
 Terdapat banyak nas-nas Al-Quran dan
 sunnah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi

Wasallam yang menunjukkan kepada
 perintah untuk bersabar ketika menghadapi
 musibah dan bersyukur ketika menerima
 nikmat.

>> Muka 2

Bersama menjayakan Sambutan Hari Kebangsaan Ke-39

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24
 Disember. - Mesyuarat Pertama
 Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang
 Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei
 Darussalam (NBD) Ke-39, Tahun 2023
 diadakan bertempat di Dewan Digadong,
 Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia
 dan Sukan (KKBS), di sini.

Mesyuarat dipengerusikan oleh
 Menteri Pembangunan, Yang Berhormat
 Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad
 Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku
 Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia
 dan Sukan.

>> Muka 3

Meneliti dasar, cadangan, aktiviti ICESCO

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

RABAT, MAGHRIBI, Ahad, 25 Disember. -
 Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
 Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman
 bin Ahmad selaku Setiausaha Agung
 Suruhanjaya Kebangsaan Negara Brunei
 Darussalam bagi Pertubuhan Pendidikan,
 Saintifik dan Kebudayaan Dunia Islam
 (ICESCO) telah menghadiri Majlis Eksekutif
 ICESCO Ke-43 yang diadakan di Ibu Pejabat
 ICESCO di Rabat, Maghribi pada 23 hingga
 24 Disember 2022.

Majlis Eksekutif ICESCO yang diadakan
 sekali setahun tersebut telah dihadiri
 oleh para wakil daripada 46 daripada 55
 Ahli-ahli Anggota ICESCO yang antara
 lain bertujuan untuk membincangkan dan
 meneliti dasar-dasar, aktiviti-aktiviti dan
 cadangan-cadangan di bawah ICESCO
 dalam sektor pendidikan, sains dan
 kebudayaan serta komunikasi dan
 maklumat.

>> Muka 4

Kitar semula lestarikan alam sekitar

Oleh : Haji Ariffin Mohd.
 Noor / Morshidi

SUNGAI AKAR, Sabtu, 24 Disember. -
 Dalam menggalakkan dan
 membudayakan amalan kitar semula
 khususnya dalam kalangan orang ramai
 di dalam gaya hidup seharian.

Seterusnya, memupuk kesedaran ke
 arah warga yang bertanggungjawab
 dalam memastikan persekitaran di
 Negara Brunei Darussalam sentiasa
 bersih, hijau dan selamat, Kementerian
 Pembangunan melalui Jabatan Alam
 Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe)
 telah mengadakan Inisiatif Hari Kitar
 Semula Senegara dengan tumpuan di
 Daerah Brunei dan Muara di Stesen
 Pindah Sungai Akar, di sini.

Seawal jam 8.00 pagi lagi para
 petugas daripada JASTRe telah mula
 menerima pengunjung yang terdiri
 daripada masyarakat setempat dalam
 sama-sama menyahut seruan dan
 mendukung inisiatif kitar semula
 tersebut.

Semasa kunjungan Pelita Brunei,
 turut kelihatan agensi kerajaan dari
 Jabatan Kemajuan Pelancongan dalam
 sama-sama membuat kitar semula
 berupa kertas terpakai.

Inisiatif seumpamanya ini dijalankan
 dengan kerjasama dan sokongan empat
 buah syarikat kitar semula tempatan
 iaitu EnEvo Sdn. Bhd., Imaa Maya
 Enterprise, Shaliz Waste Recycling dan
 Kawan Bumi Sdn. Bhd.

>> Muka 6



Berita Utama



BERI pendedahan berkaitan isu
 semasa, perkembangan diri,
 kekeluargaan

Muka 4



LAWATAN timba ilmu pengetahuan

Muka 5



MENYEBARLUASKAN kesedaran
 kepentingan makanan halal

Muka 8



JADIKAN Matematik subjek menarik

Muka 20

Hadirkan sifat sabar, syukur pada keimanan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Namun, bagaimana sebenarnya menghadirkan kedua sifat ini di dalam hati seorang Muslim dan mempraktikkannya ketika benar-benar menghadapi musibah atau menerima nikmat?

Soalan ini dijawab oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam sebuah hadis Baginda yang menghubungkan antara iman kepada Allah, sifat sabar dan sifat syukur iaitu rahsia untuk menghadirkan kedua sifat tersebut ada pada keimanan dan pengetahuan kita akan kekuasaan dan pemilikan Allah Subhanahu Wata'ala ke atas sekalian alam semesta.

Demikian antara kandungan dalam tazkirah pada Malam Munajat Ke-67 kali ini yang membawakan tajuk 'Menghadirkan Sifat Sabar dan Syukur' disampaikan oleh Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Ahmad Ahyad bin Haji Amynoor dari Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Jangsak, baru-baru ini.

Acara Malam Munajat tersebut juga mengundang tetamu

khass iaitu Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Perpindahan Serasa, Yang Dimulihkan Pehin Datu Pekerma Jaya Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Mohd. Tawih bin Abdullah, di mana mengepalai bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah dari Masjid Kampung Perpindahan Serasa.

Juga menyertai acara, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Perpindahan Serasa; Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Jangsak serta kakitangan dan para pelajar Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Mekanikal, Kampung Tungku, Gadong.

Acara tersebut juga disemarakkan oleh jemaah daripada 102 buah masjid termasuk surau dan balai ibadat seluruh negara serta warga KHEU dan keluarga dari kediaman masing-masing.

Sejurus selepas bacaan Sayyidul

Istighfar dan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang dipimpin oleh pelajar ISQ in Rigging (Oil and Gas Industry), Awang Raziq Qayyum bin Ruzaimi bersama kakitangan dan para pelajar IBTE dari Surau Lelaki Kampus IBTE Mekanikal, Kampung Tungku, Gadong.

Doa Munajat pula dibacakan oleh Pegawai Perundangan Syariah Tingkat Khas, Bahagian Penguatkuasaan Ugama, KHEU, Awang Haji Zuneidy bin Jumat.

Sebelum mengakhiri majlis, bacaan Zikir Taubat dipimpin oleh Pengasas Kumpulan Al-Busyra, Awang Haji Mohammad Ali Wafiuddin bin Haji Osman bersama Ahli-ahli Kumpulan Al-Busyra.

Bagi memberkati acara, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid dari Masjid Kampung Perpindahan Serasa, Awang Haji Muhammad Nurhidayatullah bin Haji Zulkiflee.

Malam Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan seharian dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu

Wata'ala.

Di samping itu, berdoa agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara daripada sebarang musibah yang tidak diingini dan berjaya membendung penularan penyakit merbahaya seperti COVID-19.

Orang ramai sangat dialu-alukan untuk menyertai Malam Munajat dari mana jua mereka berada pada setiap Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan <http://tiny.cc/munajatkheu> atau melalui Instagram Pusat Da'wah Islamiah @pdi_kheu.



TALIAN KALINGA
+673 7413059



Unit Kaunseling
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Jabatan Sekolah Sekolah
Kementerian Pendidikan

Talian ini berperanan dalam memberikan **khidmat nasihat, konsultasi, dorongan, serta motivasi** dalam menangani situasi seperti **masalah pembelajaran, masalah peribadi** dan lain-lain lagi.

Waktu operasi:
Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.00 pagi hingga 11.30 pagi
2.00 petang hingga 4.00 petang

Talian dibuka kepada semua **Warga sekolah kerajaan**

www.moe.gov.bn

WAKTU SEMBAHYANG										
DISEMBER	JAMADILAKHIR									
MASIHI	HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
26	ISNIN	2	4.52	5.02	6.25	6.50	12.22	3.43	6.16	7.31
27	SELASA	3	4.52	5.02	6.26	6.50	12.22	3.44	6.16	7.31
28	RABU	4	4.53	5.03	6.26	6.51	12.23	3.44	6.17	7.32
29	KHAMIS	5	4.53	5.03	6.27	6.51	12.23	3.45	6.17	7.32
30	JUMAAT	6	4.54	5.04	6.27	6.51	12.24	3.45	6.18	7.33
31	SABTU	7	4.54	5.04	6.28	6.52	12.24	3.46	6.18	7.33
1 JANUARI	AHAD	8	4.55	5.05	6.28	6.52	12.25	3.46	6.19	7.33
Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit										
RAMALAN CUACA 3 HARI 										
ISNIN			SELASA				RABU			
Bandar Seri Begawan										
28			30			30				
23			23			24				
°C			°C			°C				
Pekan Bangar										
28			30			30				
23			23			24				
°C			°C			°C				
Pekan Tutong										
28			30			30				
23			23			24				
°C			°C			°C				
Kuala Belait										
28			30			30				
23			23			24				
°C			°C			°C				
Wallahuallah Bissawab										
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi										
www.mef.gov.bn										

SIDANG PENGARANG 26 DISEMBER 2022

Jaga keselamatan tempat kediaman semasa bercuti

SEMASA musim cuti sekolah memang ramai yang akan mengambil peluang waktu cuti untuk keluar negara bersama keluarga. Pada masa ini, rumah kita mungkin akan ditinggalkan kosong dan tidak akan ada sesiapa di rumah. Adalah wajar untuk kita membuat perancangan keselamatan sebelum meninggalkan tempat kediaman kita.

Untuk mengelak daripada terjadinya keadaan tidak diingini seperti pecah rumah dan kecurian ada beberapa langkah keselamatan yang boleh dipraktikkan. Salah satunya adalah dengan cara memastikan rumah kita dalam keadaan seperti ada orang masih di rumah iaitu dengan memasang lampu automatik di luar rumah dan beberapa tempat dalam rumah yang akan hidup atau menyala sendiri apabila hari sudah gelap. Kita juga memasang radio automatik yang menggunakan pemasa. Cabut talian telefon bagi mengelakkan telefon berdering berterusan ataupun pasang sistem pesanan tetapi jangan meninggalkan pesanan memberitahu kita tidak ada di rumah dan bercuti.

Seterusnya memastikan rumput baru dipotong dan tidak semak seperti terbiar. Adalah penting untuk pastikan kebersihan persekitaran rumah agar tidak ditumbuhi lalang dan semak-samun yang boleh dijadikan tempat sembunyi penceroboh. Kita juga boleh memastikan sekitar kawasan rumah atau pagar tidak mempunyai pokok tinggi yang boleh digunakan oleh penceroboh untuk memasuki rumah dengan mudah.

Apabila di luar negara, hati-hati apabila memuat naik gambar atau apa apa maklumat mengenai aktiviti awda ke media sosial kerana ia secara tidak langsung mendedahkan kepada orang ramai kita tidak ada di rumah. Adalah baik untuk menunggu atau membuat *late post* iaitu menangguhkan memuat naik gambar-gambar awda.

Adalah baik juga kita memaklumkan ahli keluarga lain, sahabat atau jiran yang dipercayai bahawa kita akan belayar atau keluar negara dan meninggalkan rumah kita sementara dan minta mereka mengawasi rumah kita. Pesan mereka untuk menghubungi kita secepat mungkin dan pihak berkuasa jika mereka melihat apa-apa yang mencurigakan atau kelihatan sesuatu berbahaya berlaku di tempat kediaman kita.

Langkah-langkah keselamatan yang lain boleh diambil adalah tidak meninggalkan kunci ganti di tempat-tempat yang ketara seperti di bawah pasu bunga atau di atas bingkai pintu. Berikan kunci ganti kepada jiran, sahabat dan ahli keluarga lain yang dipercayai. Sebelum meninggalkan rumah juga pastikan plak semua perkakas peralatan dan peranti elektronik sudah dicabut. Ini adalah untuk mengelakkan kebakaran elektrik atau onjakan kuasa. InsyaaAllah dengan mengambil langkah-langkah berjaga-jaga sedemikian, risiko kejadian tidak diingini ke atas tempat kediaman kita akan kurang dan kita juga boleh bercuti di luar negara tanpa berasa susah hati dan akan berasa tenang sambil lebih menikmati waktu cuti kita itu.

- Ketua Penyuntingan (Nr)

BERSAMA MENJAYAKAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-39



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mempengerusikan Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 2023 (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada mesyuarat berkenaan.

>> Muka 1

Dalam pembukaan ucapannya, Yang Berhormat menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas perkenan lantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-39, Tahun 2023 dan seterusnya mengucapkan berbilang terima kasih dan penghargaan atas segala kerjasama serta komitmen semua pihak dalam pengendalian Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-38, Tahun 2022 yang berjaya dan berjalan dengan baik lagi teratur daripada semua aspek.

Yang Berhormat dalam ucapannya juga turut berharap agar amanah berkenaan diungkayahkan sebagai satu pasukan untuk memberikan yang terbaik demi menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan kerana ia adalah milik bersama sekali rakyat dan penduduk NBD.

Sepertimana sambutan-sambutan sebelum ini terang Yang Berhormat, hari istimewa berkenaan hendaklah terus diraikan oleh setiap peringkat masyarakat dengan penuh kegembiraan dan kemeriahan demi mencerminkan kecemerlangan bangsa Brunei di samping terus mempertahankan falsafah negara, iaitu Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai wajah dan identiti kita yang berkekalan.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan harapan bagi Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi berkenaan untuk para ahli sama-sama memberikan pandangan, cadangan dan nasihat berdasarkan kepada Pendekatan Senegara (Whole of Nation Approach) demi mencapai matlamatnya, iaitu untuk menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39 berkenaan sebagai manifestasi kebanggaan negara serta sebagai sebuah bangsa yang dihormati di persada dunia dengan semangat patriotisme dan bersatu padu.

Yang Berhormat juga turut melahirkan rasa syukur dengan berkat kesepakatan, berkat kesabaran dan petunjuk dari Allah Subhanahu Wata'ala juga, Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-38, Tahun 2022 dapat diraikan dengan jayanya dengan penuh semangat patriotisme, rasa keceriaan dan suasana kemeriahan serta mengikut garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, di sebalik situasi pandemik COVID-19 pada ketika itu.

Agenda mesyuarat memfokuskan kepada laporan-laporan perkembangan serta pelbagai cadangan pihak Urus Setia dan setiap Jawatankuasa Kerja terhadap perkara yang memerlukan ketetapan para ahli khususnya mengenai persiapan yang giat dijalankan, cadangan tema dan logo, format persembahan padang, perbarisan lalu, atur cara dan tarikh-tarikh raptai bagi upacara dan acara utama sambutan.

Mesyuarat juga turut membincangkan tatacara

pelaksanaan bagi Majlis Doa Kesyukuran serta pelbagai acara sampingan yang lain.

Turut sama, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus; Timbalan

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Muhammad Haszaimi bin Bol

Hassan; wakil Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap; serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-39, 2023.

11.5 peratus penduduk lengkap 4 dos vaksin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Disember. - Sebanyak 347 kes disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 265,459.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, dua kes berada di dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah

Oleh : Dk. Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Infografik : Kementerian Kesihatan

pemantauan rapi, manakala satu kes berada di dalam Kategori 5, iaitu mereka yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Sementara itu, satu kes meninggal dunia.

Bagi Program Vaksinasi setakat 25 Disember 2022, sebanyak 87.2 peratus kanak-kanak yang berumur 5

hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin dan sebanyak 62.4 peratus remaja berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 79 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.5 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.

325 kes disahkan sembuh

Oleh : Srinarawie Bidzah


BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Disember. - Sebanyak 325 kes COVID-19 disahkan sembuh, yang membawa jumlah keseluruhan kes yang sembuh meningkat kepada 265,112.

Menurut Infografik Status Harian Normal Baharu COVID-19, yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan hari ini, sebanyak dua kes sedang berada dalam Kategori 4, iaitu mereka yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.

Sementara itu, satu kes sedang berada dalam Kategori 5, iaitu yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU).

Setakat 24 Disember 2022, sebanyak 87.2 peratus kanak-kanak, berumur 5 hingga 11 tahun menerima dua dos vaksin bagi Program Vaksinasi; manakala sebanyak 62.4 peratus remaja, berumur 12 hingga 17 tahun menerima tiga dos vaksin.

Sementara itu, sebanyak 79.0 peratus rakyat dan penduduk negara ini mendapatkan tiga dos vaksin dan 11.4 peratus menerima empat dos vaksin COVID-19.



MENELITI DASAR, CADANGAN, AKTIVITI ICESCO



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan selaku Setiausaha Agung Suruhanjaya Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Dunia Islam (ICESCO) semasa menghadiri Majlis Eksekutif ICESCO Ke-43.

>> Muka 1

Majlis Eksekutif ICESCO bermula dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua-Pengarah ICESCO, Tuan Yang Terutama Dr. Salim M. AlMalik; Menteri Pengajian Tinggi dan Penyelidikan Saintifik, Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamed Ayman Ashour, selaku Presiden Persidangan Agung ICESCO dan Setiausaha Agung Suruhanjaya Kebangsaan Palestin ICESCO, Tuan Yang Terutama Dr. Dawas Tayseer Dawas selaku Pengerusi

Majlis Eksekutif.

Majlis Pembukaan diakhiri dengan Ketua-Pengarah ICESCO memaklumkan mengenai penyertaan rasmi Republik Lubnan selaku Ahli Anggota ICESCO Ke-55 pertubuhan tersebut.

Semasa Sesi Majlis Ke-43 berkenaan, Majlis Eksekutif telah membincangkan sebanyak 14 agenda termasuk laporan berkala dan hal undang-undang dan menyaksikan pembentangan mengenai Young Professional Programme dan Governance System ICESCO.

Majlis Eksekutif juga

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

menyaksikan inisiatif baharu mengenai Strategy Cooperation between the National Commissions and ICESCO : Model Experiences di mana Suruhanjaya-Suruhanjaya Kebangsaan diseru untuk mengambil peranan proaktif dalam mencapai objektif ICESCO.

Sebelum menghadiri Majlis Eksekutif, Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan turut menghadiri First Consultative Meeting on 'Strategic Indicators for Development in the Islamic World : Global Indicator Index as a Model' yang diadakan selama dua hari pada 21 hingga 22 Disember 2022 di Ibu Pejabat ICESCO.

Mesuarat Perundingan merupakan anjuran ICESCO dengan kerjasama Mohammed bin Rashid Al Maktoum Knowledge Foundation (MBRF) dan United Nations Development Program (UNDP) bagi membincangkan idea dan cadangan inovatif untuk membangunkan inisiatif praktikal untuk menyumbang kepada peningkatan ekonomi pengetahuan.

Seterusnya, mesyuarat tersebut juga membuat perbincangan bagi menerokai Global Knowledge Index untuk mengukur prestasi pengetahuan dunia Islam dan membincangkan transformasi serta cabaran berkaitan bagi Ahli-ahli Anggota ICESCO.

Ahli-ahli mesyuarat juga membuat lawatan ke International Exhibition and Museum of the Prophet's Seerah and Islamic Civilization di Ibu Pejabat ICESCO.

Turut hadir ke majlis tersebut mengiringi Setiausaha Tetap

(Pengajian Tinggi) Kementerian pegawai dari Kementerian Pendidikan ialah pegawai- Pendidikan.

Beri pendedahan berkaitan isu semasa, perkembangan diri, kekeluargaan



ANTARA peserta Legasi Generasi Camp (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Legasi Generasi Camp

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Disember. - Legasi Generasi Camp (LGC) bertemakan 'Thrive' yang bermaksud berkembang maju adalah sebuah program kem yang menerapkan aspek kerohanian dan menitikberatkan ilmu dari aspek sosial yang penting dipelajari, seperti ilmu kekeluargaan, Kesihatan Mental serta pembangunan diri, bagi menyediakan peserta dengan pemahaman serta kesedaran yang lebih mendalam tentang isu-isu ini.

Menerusi program ini, pihak LGC berharap dapat menyumbang tenaga dalam melakukan intervensi terhadap isu-isu Kesihatan Mental secara tidak langsung, di samping mempromosikan kepentingan penjagaan Kesihatan Mental dalam kalangan belia di Negara Brunei Darussalam.

LGC : Thrive 2022 diadakan selama tiga hari dua malam, bermula pada Sabtu, 24 Disember hingga Isnin, 26 Disember 2022.

Lebih 30 peserta mengikuti program tersebut, yang berlangsung di Kompleks Sukan Sungai Kebun, di ibu negara.

Antara pengisian aktiviti sepanjang program berkenaan, termasuk aktiviti fizikal, seperti bersukan; *game* secara berkumpulan, mendengarkan ceramah dan Solat Fardu Subuh Berjemaah.

LGC antara lain bertujuan bagi memberikan pendedahan berkaitan dengan isu semasa, nilai-nilai berkaitan dengan perkembangan diri serta pengetahuan berkaitan kekeluargaan.

Di samping itu, program tersebut menekankan aspek kepentingan mental yang sihat bagi para peserta agar mereka dapat berfungsi dengan baik, sama ada dalam lingkungan keluarga, tempat kerja mahupun masyarakat melalui aktiviti-aktiviti yang menarik.

Program turut mempersiapkan para peserta agar dapat menerapkan dan mengamalkan ilmu, yang disampaikan serta dipelajari sepanjang program tersebut, dalam kehidupan seharian mereka.

Ia juga menyediakan persekitaran yang selamat atau sistem sokongan untuk menggalakkan para peserta keluar dari zon selesa untuk berkenalan dengan orang-orang baharu, membina ukhuwah dan memperkukuhkan silaturahim insan.

Untuk sebarang keterangan lebih lanjut dan kemas kini mengenai program LGC, orang ramai boleh terus menghubungi Setiausaha program menerusi talian +673 7321956 atau melalui Media Sosial Instagram, @legasigenerasi.



Eratkan hubungan, dakwah melalui konferensi

ANTARA delegasi dari Kementerian Hal Ehwal Ugama ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama, Muhammad Yussof bin Abdul Majid.



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Kaunseling dan Kefahaman Agama, Muhammad Yussof bin Abdul Majid dan Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Mohammad Nasyith bin Superi.

Konferensi yang berlangsung membawakan tema 'Khairu Ummah (Umat Terbaik)' dan antara agenda yang dimuatkan termasuk moderasi beragama dan penolakan terhadap ekstremisme.

Peserta dari NBD pada konferensi tersebut berpeluang membentangkan kertas kerja dalam bidang ideologi ekstremisme dari sudut kefahaman dan akidah secara umum dalam beragama.

Lebih kurang 140 peserta telah menghadiri konferensi yang dirasmikan oleh Naib Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Ma'ruf Amin.

BALI, INDONESIA, Sabtu, 24 Disember. - Seramai dua pegawai mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) menghadiri Konferensi Islam ASEAN Ke-2 bertempat di Hotel Hilton Bali, Indonesia, yang telah diadakan bermula 21 hingga 23 Disember 2022 yang lalu.

Konferensi ini adalah anjuran bersama antara Kementerian Agama Republik Indonesia dan Kementerian Urusan Islam, Dakwah dan Kaunseling Arab Saudi dengan tujuan mengeratkan hubungan dan dakwah terutama negara-negara di rantau ASEAN.

Delegasi dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) tersebut terdiri daripada Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit

LAWATAN TIMBA ILMU PENGETAHUAN



BALAI Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) semasa menerima kunjungan lawatan dari rombongan residen dan penghuni Kompleks Rumah Kebajikan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (atas, bawah kiri dan bawah kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Disember. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) menerima kunjungan lawatan dari rombongan residen dan penghuni Kompleks Rumah Kebajikan, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), baru-baru ini.

Seramai 23 lelaki dan 22 perempuan terdiri daripada kanak-kanak dan dewasa diiringi oleh beberapa pegawai dan kakitangan JAPEM, melawat kesemua sembilan galeri di BKISHHB. Lawatan tersebut bertujuan

untuk menambah pengetahuan residen dan penghuni Kompleks Rumah Kebajikan, JAPEM mengenai sejarah Islam dan juga dalam masa yang sama memberi pendedahan kepada residen dan penghuni Kompleks Rumah Kebajikan, JAPEM mengenai penulisan-penulisan Islam dan sejarah para ilmuwan Islam.

Selain itu, ia juga merupakan salah satu aktiviti untuk residen dan

penghuni Kompleks Rumah Kebajikan, JAPEM yang pada ketika ini bercuti penggal akhir persekolahan.

Bermula 12 Disember 2022, galeri-galeri di BKISHHB telah dibuka semula untuk kunjungan orang ramai, mulai dari jam 9.00 pagi hingga jam 5.00 petang setiap hari kecuali Jumaat.

Antara bahan pameran yang menarik dalam sembilan galeri

pameran tersebut, termasuk koleksi-koleksi mushaf pelbagai bentuk dan ukuran, rambut mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, cebisan burdah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta replika kesan tapak kaki, pedang-pedang dan tongkat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, koleksi pelbagai Manuskrip Islam, peralatan Astronomi Islam, tongkat, tasbih, fosil dan banyak lagi.

Maklumat-maklumat mengenai tiket masuk boleh diperoleh dengan mengunjungi kaunter-kaunter tiket di BKISHHB, atau dengan melayari laman sesawang rasmi www.bkishhb.gov.bn dan mengikuti Facebook di *Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah* dan Instagram *BKISHHB.BN* untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut.

BKISHHB merupakan manifestasi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memelihara khazanah cendekiawan Islam dengan menggiatkan pengembangannya melalui aktiviti pengumpulan, pemeliharaan, pengkajian, pameran, penyebaran, penyelidikan serta mengongsikan natijahnya bagi kemajuan Islam dan umat seumumnya serta menjadikannya 'One Stop Islamic Tourism Destination'.



Kepimpinan meliputi seluruh bidang kehidupan



KETUA Unit Hal Ehwal Antarabangsa Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yusoff selaku moderator siri pembentangan (kiri), manakala gambar kanan, Al-Ghazali Chair of Epistemology and Civilizational Studies and Renewal, ISTAC, International Islamic University Malaysia, Emeritus Profesor Datuk Dr. Osman Bakar semasa membuat pembentangan.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Disember. - Konsep kepimpinan dalam Islam merupakan suatu yang penting bukan sahaja kepada Islam malah kepada masyarakat dan budaya lain dan dari segi Islam, kepimpinan merupakan suatu keperluan semula jadi serta konsep itu juga

ada pada para pengikutnya.

Al-Ghazali Chair of Epistemology and Civilizational Studies and Renewal, ISTAC, International Islamic University Malaysia, Emeritus Profesor Datuk Dr. Osman Bakar selaku pembentang Siri Forum Bersama Ilmuan 2022 secara dalam talian kali ini

menerangkan konsep kepimpinan terlalu luas dan ia juga berdasarkan kepada ilmu dan akhlak.

Forum yang membawakan tajuk 'Konsep Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat Dalam Islam', Emeritus Profesor Datuk Dr. Osman Bakar seterusnya menyatakan bahawa terdapat pertalian rapat antara kepimpinan dan nuwuwa, teori kepimpinan itu

didasarkan kepada teori Nubuwa. Konsep Nubuwa menunjukkan bahawa kepimpinan seharusnya berasaskan ilmu dan akhlak.

Justeru, katanya, kepimpinan mesti berasaskan ilmu dan akhlak yang mulia kerana manusia memerlukan contoh atau teladan yang baik dan dalam bentuk kepimpinan Islam yang dicontohi ialah melalui Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Islam menegaskan bahawa konsep kepimpinan itu meliputi seluruh bidang kehidupan. Tiada bidang terkeluar atau diketepikan daripada kepimpinan.

Aspek konsep kepimpinan seperti yang dinyatakan, ulama sebagai pewaris para nabi iaitu menunjukkan betapa pentingnya peranan orang-orang yang berilmu (ilmuwan) dalam kalangan Islam.

Syarat-syarat utama kepimpinan antaranya berilmu, berakhlak dan dari itu kepimpinan seharusnya disertakan dengan konsep kepengikutan. Dari perspektif Islam, pemimpin yang baik dengan pengikutnya yang baik.

Sementara konsep pembelajaran sepanjang hayat sebenarnya telah diperkenalkan oleh Nabi Muhammad dan oleh yang demikian ada hadis yang menyatakan 'Tuntutlah Ilmu dari buaian hingga ke liang lahad'.

Proses mencari ilmu, tambahnya, tidak berkesudahan dan ilmu itu sangat kita perlukan untuk menghadapi cabaran.

Emeritus Profesor Datuk Dr. Osman Bakar selanjutnya menjelaskan mengenai hubungan kedua-dua konsep berkenaan iaitu kualiti yang baik kepimpinan akan dicapai menerusi pendidikan sama ada pendidikan formal dan sebaliknya. Oleh itu, Islam sangat mementingkan keduanya sekali.

Selain itu, berhubung kait dengan kepentingan pengalaman yang juga antara ciri utama pembelajaran sepanjang hayat.

Moderator siri pembentangan kali ini ialah Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Mohammad Hilmy Baihaqy bin Haji Awang Yusoff.

Inisiatif Hari Kitar Semula Senegara

>> Muka 1

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Menurut JASTRe sebanyak kira-kira 2 tan kertas, 134.3kg kotak kadkod, 417.8kg botol plastik, 224.7 liter minyak masak terpakai dan 428 unit barang buangan peralatan elektrik telah dikumpulkan di sepanjang inisiatif yang diadakan dan seterusnya dibawa ke syarikat-syarikat kitar semula untuk diproses.

Dalam pada itu, orang ramai yang ingin mengetahui maklumat lanjut mengenai kitar semula boleh melayari laman sosial @jastre.bn.

PEGAWAI dari Pejabat JASTRe pada acara tersebut dan membuat timbangan barang yang dikitar semula (kanan dan kanan sekali).



Daerah Brunei dan Muara



Daerah Tutong

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim



INISIATIF Hari Kitar Semula Senegara yang diadakan di Pejabat JASTRe Cawangan Tutong (atas, atas kanan dan bawah).



TUTONG, Sabtu, 24 Disember. - Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) mengadakan Inisiatif Hari Kitar Semula Senegara di seluruh negara hari ini.

Inisiatif ini diadakan beberapa buah tempat iaitu di Daerah Brunei dan Muara, ia diadakan di Stesen Pindah Sungai Akar, Taman Rekreasi Pantai Serasa dan Taman Rekreasi Mini Perayaan Kampung Parit manakala di Daerah Tutong pula, ia diadakan di Pejabat JASTRe Cawangan Tutong.

Seterusnya di Daerah Belait, ia diadakan di Pejabat JASTRe Cawangan Belait, Taman Rekreasi Jubli Anduki dan Pejabat JASTRe

Cawangan Temburong.

Inisiatif yang menumpukan terhadap proses kitar semula ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada empat buah syarikat kitar semula tempatan iaitu EnEvo Sdn. Bhd., Imaa Maya Enterprise, Shaliz Waste Recycling dan Kawan Bumi Sdn. Bhd.

Sejumlah 1919.2 kilogram (kg) kertas, 134.3kg kotak kadkod, 417.8kg botol plastik, 224.7 liter minyak masak terpakai dan 428 unit barang buangan peralatan elektrik telah dikumpulkan pada hari tersebut dan seterusnya dibawa ke syarikat-syarikat kitar semula untuk diproses sama ada dalam negeri atau dihantar ke luar negeri bagi proses kitar semula.

Inisiatif ini bertujuan

untuk menggalakkan dan membudayakan amalan kitar semula dalam kalangan orang ramai di dalam gaya hidup seharian dan memupuk kesedaran ke arah warga yang bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran di Negara Brunei Darussalam sentiasa bersih, hijau dan selamat.


Orang ramai boleh menghubungi JASTRe untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai kitar semula menerusi talian +673 2241262, e-mel ke jastre.brunei@env.gov.bn; atau layari laman sesawang www.env.gov.bn dan ikuti Instagram rasmi jabatan di @jastre.bn.



سورھنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1



2



Bahagian	Status	Tindakan
I	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	...
II	PROSES PERAKUAN	...
III	DIJADUALKAN UNTUK UJIAN	...
IV	TIDAK HADIR	...
V	DITOLAK SELEPAS TEMU DUGA	...
VI	PEMOHON DITERIMA	...

3



Inisiatif Hari Kitar Semula Senegara

Daerah Temburong



SEBAHAGIAN barang buangan peralatan elektrik.

Sungai Akar dan Taman Rekreasi Pantai Serasa serta Taman Rekreasi Mini Perayaan Kampung Parit.

Daerah Tutong diadakan di Pejabat JASTRe Cawangan Tutong dan di Daerah Belait bertempat di Pejabat JASTRe Cawangan Belait dan Taman Rekreasi Jubli Anduki.

Barang-barangan yang dikumpul tersebut seterusnya akan dibawa ke syarikat-syarikat kitar semula untuk diproses sama ada dalam negeri atau dihantar ke luar negeri bagi proses kitar semula.

Pada acara tersebut, 30 orang yang terawal menyertai inisiatif hari kitar semula itu juga menerima cenderahati daripada pihak JASTRe.

Melalui inisiatif ini, ia bertujuan untuk menggalakkan dan membudayakan amalan kitar semula dalam kalangan orang ramai di dalam gaya hidup seharian dan memupuk kesedaran ke arah warga yang bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran di Negara Brunei Darussalam (NBD) sentiasa bersih, hijau dan selamat.

Dalam masa yang sama, inisiatif ini juga diharapkan akan dapat meningkatkan lagi kesedaran orang ramai tentang kepentingan untuk mengitar semula serta memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan kitar semula yang terdapat di negara ini.

Sementara itu, orang ramai juga boleh menghubungi terus dan menghantar barang-barang yang boleh dikitar semula kepada



ORANG ramai digalakkan mengamalkan 3R, iaitu Reduce, Reuse and Recycle di dalam gaya hidup seharian.

syarikat-syarikat yang tersenarai di bawah JASTRe yang boleh diakses dan dimuat turun daripada laman sesawang rasmi JASTRe iaitu www.env.gov.bn.

Pihak JASTRe juga ada menyediakan bin kitar semula bagi bahan sisa kertas, tin dan botol plastik di beberapa pusat pengumpulan sampah di beberapa lokasi bagi memudahkan orang ramai untuk menghantar bahan kitar semula pada bila-bila masa.

Manakala bahan buangan jenis sisa pukal seperti perabot, katil dan sisa elektrik seperti komputer, mesin basuh, orang ramai bolehlah menghantarnya di Stesen Pindah Sungai Akar yang dibukakan setiap hari manakala bagi penerimaan sisa elektrik pada setiap Ahad dan waktu penerimaan dari jam

8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Dalam hubungan ini, orang ramai adalah diharap untuk terus membudayakan amalan 3R iaitu Reduce, Reuse and Recycle di dalam gaya hidup seharian dan seterusnya akan dapat diterapkan pada setiap lapisan masyarakat dan menuju ke arah warga yang bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran di NBD sentiasa dalam keadaan bersih, hijau dan selamat.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai kitar semula, orang ramai boleh menghubungi JASTRe menerusi talian +673 2241262, e-mel ke jastre.brunei@env.gov.bn; atau layari laman sesawang www.env.gov.bn dan ikuti Instagram rasmi jabatan di [@jastre.bn](https://www.instagram.com/jastre.bn).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

TEMBURONG, Sabtu, 24 Disember. - Inisiatif Hari Kitar Semula Senegara yang diadakan serentak di keempat-empat daerah hari ini berjaya mengumpul sejumlah 1919.2 kilogram (kg) kertas, 134.3kg kotak kadbod, 417.8kg botol plastik, 224.7 liter minyak masak terpakai dan 428 unit barang buangan peralatan elektrik (e-Waste).

Dikendalikan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Kementerian

Pembangunan, inisiatif ini dijalankan dengan kerjasama dan sokongan empat buah syarikat kitar semula tempatan iaitu EnEvo Sdn. Bhd., Imaa Maya Enterprise, Shaliz Waste Recycling dan Kawan Bumi Sdn. Bhd.

Bagi Daerah Temburong, inisiatif ini diadakan bertempat di Pejabat JASTRe Cawangan Temburong.

Manakala di Daerah Brunei dan Muara, inisiatif berkenaan dilaksanakan di beberapa buah tempat iaitu di Stesen Pindah



PEMANGKU Ketua Cawangan JASTRe Daerah Belait, Dayang Juraidah binti Baidi.

BELAIT, Sabtu, 24 Disember. - Inisiatif Hari Kitar Semula Senegara di keempat-empat buah daerah dihasratkan dapat menyediakan satu platform bagi memudahkan orang ramai untuk menghantar sisa buangan yang boleh dikitar semula seperti sisa kertas, kotak kadbod, botol plastik, minyak masak terpakai dan sisa elektrik, iaitu e-Waste dengan kerjasama dan sokongan daripada syarikat-syarikat kitar semula tempatan seperti EnEvo Sdn. Bhd.; Imaa Maya Enterprise; Shaliz Waste Recycling; dan Kawan Bumi Sdn. Bhd.

Objektif inisiatif berkenaan diadakan adalah bertujuan untuk menggalakkan dan membudayakan amalan kitar semula seperti mengasingkan pelbagai bahan kitar semula ke dalam gaya hidup seharian dan ke arah warga yang bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran bersih di Negara Brunei Darussalam.

Apabila negara sentiasa dalam keadaan bersih, hijau dan selamat

diharapkan akan dapat meningkatkan lagi kesedaran orang ramai tentang kepentingan untuk kitar semula serta memperkenalkan pelbagai perkhidmatan kitar semula yang terdapat di negara ini.

Inisiatif Hari Kitar Semula berkenaan mula diperkenalkan pada tahun 2018 di Cawangan Daerah Belait untuk menerima sisa elektrik e-Waste sahaja.

Pemangku Ketua Cawangan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) Daerah Belait, Dayang Juraidah binti Baidi semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei menyatakan bahawa orang ramai memberikan maklum balas yang baik dan positif.

Sehubungan itu katanya lagi, pada tahun 2019 inisiatif berkenaan dikembangkan ke tiga daerah, iaitu Daerah Brunei dan Muara; Daerah Tutong; dan Daerah Belait untuk memudahkan lagi orang ramai khususnya penduduk di setiap daerah untuk menghantar sisa buangan yang boleh dikitar semula dan dilarutkan untuk menerima sisa buangan selain daripada sisa elektrik e-Waste seperti sisa kertas, kotak kadbod, botol plastik dan minyak masak terpakai.

Tahun ini tambahnya, JASTRe berkesempatan lagi untuk mengembangkan inisiatif berkenaan ke seluruh negara termasuk Daerah Temburong bagi memudahkan penduduk di daerah berkenaan menghantar sisa buangan yang boleh dikitar semula.

"InsyaaAllah, inisiatif ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang," ujar Dayang Juraidah lagi.

Manakala bagi Daerah Belait, Hari Kitar Semula diadakan di Pejabat JASTRe Cawangan Belait, Jalan Maulana dan di kawasan letak kereta Taman Rekreasi Jubli

Anduki, Seria

Sambutan daripada orang ramai sangat menggalakkan dan kebetulan juga pada masa ini musim cuti penggal akhir persekolahan yang membolehkan mereka menyertai dan menghantar barang-barang yang boleh dikitar semula.

Seramai 30 orang yang terawal menyertai Inisiatif Hari Kitar Semula di setiap lokasi menerima cenderamata dari JASTRe.

Selain daripada Inisiatif Hari Kitar Semula Senegara, orang ramai juga boleh menghubungi terus dan menghantar barang-barang yang boleh dikitar semula kepada syarikat-syarikat yang tersenarai di bawah JASTRe yang boleh diakses dan dimuat turun daripada laman sesawang rasmi JASTRe, iaitu www.env.gov.bn.

Pihak JASTRe juga ada menyediakan *recycle dustbin* bagi bahan sisa kertas, tin dan botol plastik di beberapa pusat pengumpulan sampah di beberapa lokasi bagi memudahkan orang ramai untuk menghantar bahan kitar semula pada bila-bila masa sahaja.

Sementara bahan buangan jenis sisa pukal seperti perabot, katil dan sisa elektrik seperti komputer dan mesin basuh, orang ramai bolehlah menghantarnya di Stesen Pindah Sungai Akar di Daerah Brunei Muara.

Ia dibukakan kepada orang ramai pada setiap hari bagi penerimaan sisa pukal manakala bagi penerimaan sisa elektrik pada setiap Ahad dan waktu penerimaan dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Orang ramai juga dialu-alukan datang untuk ikut serta inisiatif berkenaan dengan menghantar sisa buangan yang boleh dikitar semula dan orang ramai juga disarankan untuk terus

Daerah Belait

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

membudayakan amalan 3R, iaitu Reduce; Reuse; and Recycle dalam kehidupan seharian dengan membiasakan mengurangkan sisa buangan dengan tidak membeli makanan yang berlebihan dan menggunakan bekas makanan guna pakai untuk membeli makanan.

Selain itu, membiasakan penggunaan beg kitar semula ketika membeli belah; menggunakan botol guna pakai seperti *tumbler* untuk air minuman; dan mengasingkan pelbagai bahan yang boleh dikitar semula untuk dihantar ke syarikat kitar semula.

Oleh yang demikian adalah diharapkan amalan 3R berkenaan akan dapat diterapkan kepada setiap lapisan masyarakat dan menuju ke arah warga yang bertanggungjawab dalam

memastikan persekitaran di negara ini sentiasa dalam keadaan bersih, hijau dan selamat.

Bagi keterangan lanjut dan maklumat terkini mengenai Inisiatif Hari Kitar Semula Senegara, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang rasmi JASTRe dan ikuti Instagram rasmi JASTRe, iaitu [@jastre.bn](https://www.instagram.com/jastre.bn) atau hubungi menerusi talian +673 2241262 sambungan 4404 atau e-melkan ke jastre.brunei@env.gov.bn.

Jumlah sampah yang berjaya dikumpulkan di Pekan Belait ialah 148.5 kilogram (kg) kertas, 11.8kg kayu, 99.5kg botol plastik dan 84 unit e-Waste.

Sementara di Anduki, jumlah yang berjaya dikumpul ialah 61.5kg kertas, 6.1kg kayu, 5.1kg botol plastik dan 14 unit e-Waste.



SEKITAR Inisiatif Hari Kitar Semula Senegara.

MENYEBARLUASKAN KESEDARAN KEPENTINGAN MAKANAN HALAL



SEKITAR Program Halalan Thayyiban Student Society Halalantastic Day yang dilaksanakan bersempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2022 (atas dan kiri).

Selaras dengan tema dan semarak sifat kesukarelawanan, program ini dilihat sebagai satu peluang bagi HTSS menyebarkan pengetahuan makanan halal dan sebagai pendekatan yang baik bagi membangun budaya kesukarelawanan dalam kalangan pelajar UNISSA.

Pelaksanaan program ini telah dibuat pada 18 Disember 2022 lalu bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.

Antara pengisian program adalah aktiviti Kuiz Interaktif Halal, puzzle serta Peraduan Mewarna Logo Halal Brunei bagi kanak-kanak.

Objektif program ini diadakan secara khususnya untuk mempromosikan pendidikan halal sains, meningkatkan dan membangun kesedaran tentang kepentingan makanan halal dalam kehidupan seharian kepada seluruh lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Disember. - Dalam mendukung Kempen Hari Bertindak (Day of Action) yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), satu program telah berjaya dijalankan oleh Halalan Thayyiban

Student Society (HTSS) di bawah kluster pendidikan dan kluster kemasyarakatan.

Program HTSS Halalantastic Day tersebut dilaksanakan bersempena Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2022 dengan membawa tema

'Perpaduan Melalui Sukarelawan'.

Program ini diketuai oleh Penolong Pensyarah di Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban (PPHT), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dayang Raihana binti Mohd. Raffi dengan disertai oleh seramai 50 sukarelawan dari kalangan pelajar UNISSA.

Bantu memelihara khazanah Lamin Warisan

■ Berita dan Foto : Ihsan Ajees Hamdan



PARA belia Penggerak Belia Tutong (IMPAK) bersama-sama menjayakan Kempen Kebersihan, yang diadakan di kawasan Lamin Warisan, Kampung Tanjong Maya, Tutong (atas dan kiri).

TUTONG, Sabtu, 24 Disember. - 'Berat Sama Dipikul Ringan Sama Dijinjing', itulah perumpamaan yang dapat digambarkan apabila para belia Penggerak Belia Tutong (IMPAK) bersama-sama menjayakan Kempen Kebersihan yang diadakan di kawasan Lamin Warisan, Kampung Tanjong Maya, Tutong.

Kempen gotong-royong berkenaan merupakan salah satu projek Lamin Warisan

untuk sama-sama membantu membersihkan kawasan rumah Lamin Warisan.

Antara tujuan kempen berkenaan diadakan adalah untuk mengisi masa lapang para belia yang sedang menjalani cuti persekolahan, di samping untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan para belia yang menyertai kempen berkenaan.

Pengerusi IMPAK, Awang Abdul

Aziz bin Haji Hamdan berkata, kempen berkenaan memberi peluang kepada para belia untuk turut serta bagi menyumbang khidmat bakti mereka selain mendidik mereka untuk sentiasa menjaga kebersihan.

Beliau juga turut mengatakan bahawa dengan mengikuti kempen berkenaan, para belia dengan secara tidak langsung dapat memberikan

sumbangan tenaga memandangkan Lamin Warisan merupakan salah satu khazanah yang unik dan menjadi tumpuan pengunjung.

Dengan menjalankan kempen berkenaan juga dapat membantu memelihara dan merawat khazanah lama supaya ia sentiasa terjaga.

Sementara, Pengurus Lamin Warisan, Dayang Nornaqibah binti

Abdul Hamid mengucapkan berbilang terima kasih kepada para Ahli IMPAK, sukarelawan dan saudara mara yang turut terlibat sama bergotong-royong membersihkan kawasan Lamin Warisan.

"Allah sahaja yang dapat membalas jasa baik dan semoga dipermudahkan semua urusan di dunia dan akhirat," ujarnya lagi.

22 PAIN DARAH BERJAYA DIKUMPUL



ANTARA yang hadir pada Kempen Derma Darah yang dianjurkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Kementerian Kesihatan (atas dan bawah).



Siaran Akhbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Disember. - Kempen Derma Darah yang dianjurkan oleh Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Kementerian Kesihatan diadakan pagi tadi di Ibu Pejabat, JPD.

Kempen berkenaan bertujuan untuk membantu Pusat

Pendermaan Darah menambah stok simpanan darah yang secara purata memerlukan sebanyak 50 pain darah setiap hari.

Kempen berkenaan dihasratkan dapat menyumbang ke arah memastikan keperluan darah sentiasa mencukupi bagi mana-mana pesakit yang memerlukan rawatan penambahan darah serta menanamkan sifat beramal jariah dan tanggungjawab sosial.

Sejumlah 22 pain darah berjaya dikumpulkan daripada para penderma yang terdiri daripada orang ramai dan juga pegawai dan kakitangan JPD.

Dalam pada itu, pihak Pusat Menderma Darah, Kementerian Kesihatan mengalu-alukan orang ramai yang berhasrat untuk menderma darah agar membuat tempahan slot derma darah di mana-mana Pusat Derma Darah melalui aplikasi Bloodkad.

Tarik minat pelajari BMB, meriahkan Bandarku Ceria



PENGUNJUNG menyertai aktiviti yang dikendalikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada Program Bandarku Ceria (atas dan bawah).



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 25 Disember. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengendalikan pelbagai aktiviti pada Program Bandarku Ceria sebagai platform dalam menarik minat orang ramai dari semua peringkat umur untuk mempelajari Bahasa Melayu Brunei (BMB) dan hal ehwal semasa di negara ini.

Aktiviti Bandarku Ceria anjuran Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, DBP itu diadakan di luar kawasan Perpustakaan DBP, di sini.

Antara aktiviti dan permainan yang diadakan khusus untuk disertai oleh orang ramai, Isi Air dalam Botol; Cabaran Bola Ping Pong; Putik Bahasa : Susun Ayat; dan Silang Kata Jawi.

Aktiviti tersebut, antara lain bertujuan bagi mengisi masa lapang di waktu cuti penggal akhir persekolahan dan memeriahkan lagi Program Bandarku Ceria, yang diadakan pada setiap Ahad.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai aktiviti anjuran DBP, orang ramai boleh melayari laman Instagram, @Bruneianadbp.

سوروهنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

FORMAT UJIAN PSC CAMS

JAWATAN BAHAGIAN	Soalan	Pengetahuan Jawatan - 50 Soalan Pengurusan - 25 Soalan Pengetahuan Am - 5 Soalan	Calon diberikan 40 minit untuk menjawab soalan-soalan ujian.	Calon dibenarkan menggunakan kalkulator.
JAWATAN BAHAGIAN 2	80 soalan	Pengetahuan Jawatan - 40 Soalan Pengurusan - 2 Soalan Pengetahuan Am - 3 Soalan Teknologi Maklumat - 2 Soalan Kira-kira - 1 Soalan	Calon diberikan 30 minit untuk menjawab soalan-soalan ujian.	Calon tidak dibenarkan menggunakan kalkulator.
JAWATAN BAHAGIAN 3	50 soalan	Pengetahuan Jawatan - 45 Soalan Pengetahuan Am - 2 Soalan Teknologi Maklumat - 2 Soalan Kira-kira - 1 Soalan	Calon diberikan 25 minit untuk menjawab soalan-soalan ujian.	Calon dibenarkan tidak menggunakan kalkulator.
JAWATAN BAHAGIAN 4/5	50 soalan			

3 PRODUK MENGANDUNGI BAHAN TIDAK HALAL



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Disember. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) ingin memaklumkan bahawa beberapa produk makanan dan minuman daripada pelbagai jenama yang dijual di beberapa pasar raya di negara ini adalah mengandungi bahan-bahan yang tidak halal.

Dapatan berkenaan adalah hasil pemeriksaan yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Syariah (JHES) melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMh) setelah menerima aduan orang awam melalui maklumat kandungan bahan-bahan yang tertera pada pembungkusan produk.

Produk-produk terbabit ialah Blueberry Chilli jenama Blushing Blueberries yang mengandungi White Wine Vinegar; Balsamic & Roasted Garlic Vinaigrette jenama Praise yang mengandungi Wine Vinegar; dan Coklat Pralines jenama Excelsium Tradition yang mengandungi Amaretto.

Oleh itu, bagi menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di negara ini, JHES telah pun mengarahkan pemilik premis untuk mengasingkan semua produk berkenaan dengan serta-merta di tempat atau ruang 'Non Halal Section' yang tidak terdedah daripada penjualan awam.

BEBERAPA produk makanan dan minuman daripada pelbagai jenama yang dijual di beberapa pasar raya di negara ini adalah mengandungi bahan-bahan yang tidak halal.

Semua pengimport, pasar raya dan kedai di negara ini juga dinasihatkan supaya melakukan tindakan pengasingan dengan serta-merta jika terdapat produk yang sama diedarkan dan dijual di premis masing-masing.

Sehubungan dengan itu, KHEU juga ingin mengingatkan kepada pemilik, pengurus, pengusaha, peniaga, pembekal dan pengimport produk di negara ini supaya sentiasa berwaspada dan lebih peka terhadap pelbagai produk import yang akan dijual kepada orang ramai di pasar raya atau kedai masing-masing dengan memastikan pelbagai produk yang halal tidak bercampur dengan yang tidak halal.

Ini demi menjaga maslahat masyarakat Islam di negara ini daripada terjebak mengambil dan memakan produk yang tidak halal atau diragui kehalalannya.

Di samping itu, KHEU mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan terima kasih atas maklumat berhubung perkara berkenaan dan bagi orang ramai yang ingin membuat aduan serta perkongsian maklumat mengenai penjualan pelbagai produk tidak halal secara terbuka di premis-premis perniagaan bolehlah dibuat terus ke JHES melalui BKMh dengan menghubungi Talian Hotline +673 7166222 atau mana-mana pejabat Bahagian Kawalan Makanan Halal di setiap daerah.

JBP potong pokok tumbang halangi jalan



ANGGOTA bomba segera bertindak memotong pokok berkenaan dengan menggunakan chain saw.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Disember. - Seramai tujuh orang anggota bomba dari Balai Bomba Sungai Kebun yang diketuai oleh ABK 235 Md. Mahari bin Haji Sidop telah diarahkan

untuk menangani kejadian pokok tumbang di Jalan Kasat pada petang, 22 Disember 2022.

Semasa tiba di lokasi kejadian, didapati dua pohon Pokok Jati dan Pokok Kulimpapa berukuran

panjang lebih kurang 20 meter dan garis pusat berukuran 30 sentimeter tumbang menghalang keseluruhan laluan jalan raya utama dan juga mengenai kabel elektrik.

Anggota bomba segera bertindak memotong pokok

berkenaan dengan menggunakan chain saw.

Tidak ada kecederaan dan kemalangan jiwa berlaku semasa kejadian.

Oleh itu, saranan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) kepada orang ramai supaya pokok-pokok yang ditanam mestilah sentiasa dijaga dan diawasi serta dipotong (trimming) sebelum keadaan tidak terkawal selain elakkan menanam pokok terlalu dekat dengan rumah dan amalkan penjarakan bagi penanaman pokok-pokok berkenaan tersebut.

Pokok merupakan elemen yang penting bagi manusia dan haiwan,

akan tetapi ia juga boleh mendatangkan kemudaratan dan risiko kepada sekeliling seperti pokok tumbang terutama semasa cuaca tidak menentu.

JBP ada menyediakan pelbagai program keselamatan seperti Kursus Fire Marshal, Life Saver 995 dan Taklimat Keselamatan Kebakaran bagi mengetahui pelbagai aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi penggunaan Alat Pemadam Api.

Jika berlaku sebarang insiden kecemasan, hubungi Talian Kecemasan JBP 995 dan memberikan maklumat tepat.

MENJADI PENDENGAR YANG BAIK DI TEMPAT KERJA



Apabila melihat rakan yang mengalami stress/tekanan, adalah menjadi tanggungjawab bersama dalam memberikan sokongan untuk memupuk sifat prihatin dan semangat setiakawan di dalam sesebuah organisasi. Tanpa adanya sokongan atau bantuan daripada orang sekeliling di tempat kerja, ia akan membuatkan prestasi dan produktiviti kerja terganggu.

Dalam memberikan sokongan dan berbicara dengan rakan sekerja, empati adalah amat penting bagi menunjukkan bahawa biskita memahami apa yang telah disampaikan. Berikut adalah contoh yang boleh digunakan untuk menunjukkan biskita prihatin akan kesejahteraan rakan sekerja:

- 1 "ADA APA-APA YANG BOLEH SAYA BANTU?"
- 2 "SAYA DISINI BERSEDIA MENDENGAR LUAHAN KITA."
- 3 "BOLEH BISKITA KONGSIKAN APA YANG MENGANGGU FIKIRAN BISKITA?"
- 4 "BISKITA BOLEH AMBIL MASA UNTUK BERKONGSI DENGAN SAYA."
- 5 "KALAU ADA KEPERLUAN, KITANI BOLEH BERBINCANG LAGI PADA MASA YANG AKAN DATANG."
- 6 "TERIMA KASIH KERANA BERKONGSI PERKARA INI DENGAN SAYA."
- 7 "SAYA DOAKAN SEMUA AKAN DIPERMUDAHKAN."



HADITH RASULLULAH YANG BERMAKSUD:

"Barangsiapa melapangkan seorang mukmin dari satu kesusahan dunia, Allah akan melapangkannya dari salah satu kesusahan di hari kiamat. Barangsiapa meringankan penderitaan seseorang, Allah akan meringankan penderitaannya di dunia dan akhirat. Barangsiapa menutupi (aib) seorang muslim, Allah akan menutupi (aib)nya di dunia dan akhirat. Allah akan menolong seorang hamba selama hamba itu mahu menolong saudaranya." (Hadith Riwayat Muslim dari Abu Hurairah).

**KERJASAMA BAHAGIAN PERKHIDMATAN KAUNSELING
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
DENGAN UNIT KESEJAHTERAAN DAN KAUNSELING
KEMENTERIAN KESIHATAN**



KAUNSELINGIPA@PSD.GOV.BN



KAUNSELING_JPA



BAHAGIAN
PERKHIDMATAN
KAUNSELING

سرورك سررمي

كصيححن: نعمة إلهي يغ تيدق ترنيلاي هر كن

جماعه يغ درحمي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله ﷺ دغن سبتر-نبر تقوى يلايت دغن منيعككن كليمان كقدان. سسغكوهن اورغ يغ قالغ مليا ديسي الله ﷺ ايت ايله اورغ يغ قالغ برتقوى. مدهمدهن كيت منجادي انسان يغ مستياس مغايغي الله ﷺ برأوله كحيان دان كسلامتن ددنيا دان جوك داخيرة.

تفسير:

دان دي تله مغورنياكن كقد كامو سكل اف يغ كامو فوهونكن كقدن، دان جك كامو مغهيتوغ نعمة الله تنتوله كامو تيدق تركيرا بايقن. سسغكوهن مانسي لبت ساغة ظالم لاي ساغة كفور.

جماعه يغ درحمي الله،

الله ﷺ برصفة مها فغاسيه لاي مها فيايغ، مغورنياكن كيت دغن قباكي نعمة دان سوده فسني كيت تيدق اكن ممغو اتوق مغرا نعمة ٢ ايت والوفون كيت جوبا اتوق مغهيتوغن. ادقون انتارا نعمة يغ دكورنياكن الله ﷺ ايت ايله نعمة كصيححن.

سسغكوهن كصيححن مرفواكن نعمة إلهي يغ تيدق ترنيلاي هر كن. نعمة كصيححن ايت اداله أنوكره الله ﷺ يغ مسني كيت شكوري. انتارا جارا باكي كيت منشكوريين ايله دغن منجالك كصيححن توبوه بدان دغن مغعلكن جارا هيدوف يغ بايك دان صيحة. جارا هيدوف يغ بايك دان صيحة يغ دمقصودكن اداله ممري كاوتامان كقد كهيدوفن يغ اكنيف، مغلكن كصيححن دان منجكه درقد كجلا فياكي. إي اكن مفاصيلكن فرجالن كهيدوفن يغ بروكالي يغ مباوا بايق إلفاق فوسيتف كقد ديري، كلوارك، مشاركة دان نكارا.

اوله ايت، كيت قرو مغويه هيدوف يغ كورغ صيحة دغن مغكوناكن سبهاكين ماس لافغ اتوق برسام دان بريضة سلاسي كلورك. دمقيغ ايت جوك، اداله منجادي ساتو كشتيغن اتوق ممرهاتي فماكن كيت. القرآن كيت مبيت تنغ فماكن يغ حلال، إي سريغ كالي دهوبوغلانكن دغن مكانن يغ بايك، فرمان الله ﷺ دالم سورة المائدة آية ٨٨:

تفسير:

دان ماكن له يغ حلال لاي بايك درقد رزقي يغ الله تله كرنيان كقد كامو دان برتقوى له كقد الله يغ كقدن سهاج كامو برلمان. ملك جوتوهي له جونغوغن كيت نبي محمد ﷺ. باكيما بكندا مغعلكن كايا هيدوف صيحة دغن منجالك فماكنن. بكندا قرنه مغايغكن كيت دالم سبواه حديث يغ برقصود: ممادالي اتوق سسغورغ هان منجوكوفكن براف سوافن اتوق مغواتكن بدانن، جك تيدق دافة دلاكون دميكن ملك مكان له ساتو فر تيكا فرنام اتوق مكانن، ساتو فر تيكا كدوا اتوق مينومن دان ساتو فر تيكا اخير اتوق برنفس. {حديث رواية إمام الترمذي}

سفركارا قنتيغ لاي دالم مغلكن كصيححن اداله ملاكون قمرقسان. كصيححن سجارا برкала. حال این باكي ممستيكن فياكي ٢ برهيا سقرت جنتوغ، DIABETES، تكن داره تيغي دافة دكسن لييه أول. این ترماسوقله

مندافة ريحة يغ منجوكوفي باكي مغبايلكن سمولا تناك يغ تله دكوناكن، كسموا ايت دافة مغورغكن ريسيكو كيت مندافة قباكي فياكي دان كهيدوفن منجادي لييه بايك دان جريا.

جماعه يغ درحمي الله،

سلاين ايت، تندا كيت منشكوري نعمة صيحة يغ دكورنياكن الله ﷺ اداله دغن برتعيد مموجي الله ﷺ دان جوك مغلونا فاي نعمة كصيححن ايت اتوق ممفريغككن لاي عمل عبادة دان له مندككن ديري كقد الله ﷺ.

رسول الله ﷺ دالم حديث بكندا ادا ممفريغككن بهوا نعمة صيحة ايت مرفواكن نعمة يغ سريغ كالي دايكن اوله مانسي. این کران كيتك مانسي مبيكي نعمة صيحة این، مريك سريغ ساج لاي دان ليكا، تركادغ مريك ملاكون فركارا ٢١ يغ منجاوهكن ديرين درقد منويكن حق دان ملسناكن كواجن يغ دفرنتهكن الله ﷺ. درقد این عباس كاتن، رسول الله ﷺ برسيدا:

بُعْثَانِ مَغْبُونٌ فِيهِمَا كَثِيرٌ مِنَ الثَّامِ السَّيِّئَةِ وَالْفِرَاقُ

مقصود:

دوا كنعمن يغ سريغ دلوقاكن اوله كبايقن مانسي اداله كصيححن دان وقت لافغ. {حديث رواية إمام بخاري}

جوسرؤ، اقبيل مانسي ايت داوجي دغن ساكيت اتو دتاريك نعمة صيحة ايت درقد ديري مريك. ملك قد كيتك اينله مريك بارو تريغة هندق ملاكون عمل عبادة دان ممفرايق عمل كبايقن.

جماعه يغ درحمي الله،

سباكي اورغ يغ برلمان يغ فرجاي سسغكوهن ترهاتف ككوسان الله ﷺ كيت تيدق اكن ترلقس دري قباكي اوجين دان دانتارا اوجين ايت ايله داوجي دغن سوات فياكي. نامون اكام كيت ملازغ اومتن برقوقوس اسا دان مغاير جارا دان بيميشن كيتك معهادي ساكيت، انتاران:

فرنام: سنة باكي اورغ يغ ساكيت ايت برأوة اتوقن مندافتكن راونن سباكي ساله ساتو اوسها اتوق سمويه سلاين درقد برتوكل كقد الله ﷺ دان رضاء اكن كتنوانن.

كدوا: ممفرايقن إيفانن ترهاتف. كمتانن.

كيتك: برتوة ترهاتف سكل دوسا يغ قرنه دلاكون.

كامقة: مكروه باكي اورغ يغ ساكيت مغلوه كران كساكين يغ دهفاين.

كليم: هندقله مستياس برسحا بايك كقد الله ﷺ.

رسول الله ﷺ دالم حديث بكندا مياتكن بهوا اورغ يغ ديمقا جوبان اتوقن اوجين بروفا ساكيت، ملك الله ﷺ اكن مغافوسكن دوسا-دوسان. درقد عبدالله بن مسعود رضيه الله عنه رسول الله ﷺ برسيدا يغ برقصود: تيدق اد سغورغ مسلم يغ ديمقا جوبان بروفا ساكيت دان سباكين، ملايكن دهافوسكن اوله الله دوسا-دوسان، سقرت سباتغ فوهون يغ مغلوكوركن داونن. {حديث رواية إمام بخاري}

جماعه يغ درحمي الله،

سباكي أمة إسلام، دالم معهادي اوجين ساكيت، اد يراف قركارا يغ هاروس كيت لايكون، انتاران ايله دغن مباچ دان مغعلكن آية ٢ دري القرآن، صلوات، ذكر اتوقن دعاء ٢ ترنتو سباكي جالن اتوقن اوسها كيت اتوق موهون كسميوهن دان كعاقبتن. الله ﷺ برفرمان دالم سورة الإسراء آية ٨٢:

تفسير:

دان كامي منورونكن درقد القرآن سوات فناور (باكي فياكي روحاني دان جسماني) دان رحمة باكي اورغ يغ برلمان، دان القرآن ايت تيدقله منمه كقد اورغ ٢ يغ ظالم (اورغ ٢ كافر) سلاين كروكن.

دالم سبواه حديث يغ دروايتكن اوله إمام بخاري، رسول الله ﷺ قرنه بردعاء موهون كسميوهن باكي إسري بكندا يلايت عائشة رضيه الله عنها يغ سدغ ساكيت. درقد عائشة رضيه الله عنها بهوا رسول الله ﷺ كيتك مروفه، بكندا بردعاء:

اَسْتَسِحَّ اَلْبَاسَ رَبَّ النَّاسِ، يَبْدُكَ الشَّفَاءَ، لَا كَاشِفَ لَهُ اِلَّا اَنْتَ

مقصود:

هيفلكله راس ساكيت واهي توهن مانسي، دناغتمو له سكل كسميوهن، دان تيدق اد يغ دافت ميغفك فياكي ترسوت ملايكن اغكو.

جماعه يغ درحمي الله،

ساكيت ايت مرفواكن اوجين اتوق مغوجي كليمان دان كفقوان كيت. اوله ايت، جاديكله ساكيت ايت سباكي ثريئة اتوق محاسبة ديري دان باكي بموقو كصيران. سسغورغ يغ ديمقا ساكيت اتوقن فياكي قرو مغهادي اوجين این دغن رضاء دمقيغ براوسها اتوق مراوانن.

نامون سنله كيت براوسها، فياكي ترسوت بلوم جوك سمويه، كيت هندقله برتوكل دان تيدق برقوقوس اسا. إيفتله، بهوا ساكيت ايت اداله درقد الله ﷺ دان دياه جوك يغ مها بركواس اتوق ميميوهكن دري سبارغ فياكي.

أخبرن، ممدغكن بناف برنيلاي دان برهركن نعمة كصيححن ايت دالم كهيدوفن كيت، ملك سام-سامله كيت مينيكن برتنن كصيححن كران إي منجادي أنسور فنتيغ دالم ممتتوق مشاركة يغ صيحة يغ ممغو ميويمغ كقد قمباغونن اكام، كماجوان بقسا دان فمينان نكرا. كيت بردعاء سموك كيت سموا دكورنياكن كصيححن توبوه بدان دان جوا روحاني يغ بايك سفاي كيت دافة برعمل عبادة دغن له سمقورنا دان دافة هيدوف دالم سواسان يغ صيحة، كميرا دان هرموني. آمين يا رَبَّ العالمين.

تفسير:

توهن يغ منجفتاكن اكو مك دياه يغ مغورنياكن هداية كقد كو. دان دياه يغ مغورنياكن اكو ماكن دان مينوم. دان جك اكو ساكيت، ملك دياه يغ ميميوهكن اكو. {سورة الشعراء آية: ٧٨-٨٠}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا يَا ذَاكَ اللهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَاسْتَغْفِرُاللهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قُورَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِجَابَةِ الْقَائِينَ.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضُ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

(صلوات تفرجية)

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقَدُ، وَتَنَفَّرَجُ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقْضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمْحَةٍ
وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْاِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berunding dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يغ ممباوا كبراونتوغن ساعت بسر كقد قععملن (تولق بلاء)

(3)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2)

اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1)

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5)

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4)

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّهُ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّهُ شَيْءٌ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ
أَخْتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقَنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْئِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّم،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.



DANA PENGIRAN MUDA MAHKOTA AL-MUHTADEE BILLAH

LAPORAN PENYATA TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

Laporan Juruaudit Bebas

Jemaah Tadbir Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-Anak Yatim

Laporan atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-Anak Yatim ('Dana'), yang terdiri dari kunci kira-kira Dana pada 31hb Disember 2014, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata aliran wang tunai Dana bagi tahun yang berakhir, dan nota-nota penyata kewangan, termasuk seperti yang dilampirkan pada muka surat FS1 hingga FS8.

Pada pendapat kami, penyata kewangan Dana yang telah disatukan adalah disediakan dengan sewajarnya selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-Anak Yatim, Bab 185 ('Akta') dan prinsip perakaunan diterima umum di Negara Brunei Darussalam untuk memberi pandangan yang benar dan saksama pada kedudukan kewangan Dana pada 31hb Disember 2014 dan keputusan dan aliran wang tunai Dana untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Asas Pendapatan

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut Piawaian Pengauditan Antarabangsa (*International Standards on Auditing – "ISA"*). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dijelaskan lebih lanjut di dalam laporan kami dibawah seksyen 'Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan'. Kami adalah bebas daripada Dana menurut Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Kod Etika Akauntan bagi Akauntan Profesional (*International Ethics Standards Board of Accountants Code of Ethics for Professional Accountants – IESBA Code*) berserta dengan keperluan etika yang berkaitan dengan pengauditan penyata kewangan di Negara Brunei Darussalam, dan kami telah melaksanakan tanggungjawab etika yang lain menurut keperluan tersebut dan *Kod IESBA*. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian bagi menyediakan asas untuk pendapat kami.

Maklumat Selain Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit di atas

Pihak pengurusan dan pemegang amanah Dana adalah bertanggungjawab bagi maklumat lain. Maklumat lain adalah terdiri daripada laporan lembaga pemegang amanah di muka surat 1 hingga 3, tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit kami.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan mengenai kesimpulan daripada maklumat tersebut.

Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dengan berbuat demikian, menimbang sama ada maklumat yang lain itu tidak penting dengan penyata kewangan atau pengetahuan yang kami perolehi semasa audit atau sebaliknya memberi kenyataan yang salah nyata penting. Jika berdasarkan kerja yang kami telah laksanakan pada maklumat lain, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat kenyataan salah yang penting bagi maklumat lain ini, kami adalah dikehendaki melaporkan kenyataan tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Pihak Pengurusan dan Pemegang Amanah terhadap Penyata Kewangan

Pihak pengurusan dan pemegang amanah Dana adalah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan penyampaian penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut peruntukan-peruntukan Akta dan prinsip perakaunan diterima umum di Negara Brunei Darussalam serta kawalan dalaman seperti yang dianggap perlu oleh pengurusan dan pemegang amanah bagi penyediaan penyata kewangan ini adalah bebas daripada salah nyata penting, sama ada disebabkan oleh pemalsuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, pihak pengurusan dan pemegang amanah adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana untuk menjalankan operasi perniagaan secara berterusan, mendedahkan, yang berkaitan, perkara-perkara mengenai dengan operasi berterusan dan menggunakan kaedah operasi berterusan sebagai asas perakaunan melainkan pihak pengurusan dan pemegang amanah bercadang untuk membubarkan Dana atau menghentikan operasi, atau tiada mempunyai pilihan lain yang wajar selain berbuat demikian.

Tanggungjawab pemegang amanah juga termasuk mengawasi proses pelaporan kewangan bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-Anak Yatim.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan secara keseluruhan adalah bebas daripada kesilapan penting, sama ada disebabkan oleh pemalsuan atau kesilapan, dan untuk menyediakan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang sewajarnya adalah jaminan pada tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *ISAs* akan sentiasa mengesan kesilapan penting yang ada. Kesilapan penting boleh berlaku daripada pemalsuan atau kesilapan dan adalah dianggap penting jika, secara individu ataupun agregat, ianya dijangka akan mempengaruhi keputusan pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit sejajar dengan *ISAs*, kami mengamalkan penilaian professional dan mengekalkan keraguan professional sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko kesilapan penting pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh pemalsuan atau kesilapan, merekabentuk dan melaksanakan prosedur audit yang bersesuaian terhadap risiko-risiko berkenaan, dan memperoleh bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas yang munasabah kepada pendapat kami.

Risiko bagi tidak mengesan kesilapan penting akibat dari penipuan adalah lebih tinggi daripada satu kesilapan, disebabkan penyelewengan yang mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengecualian dengan sengaja, gambaran salah, atau pembatalan kawalan dalaman.

- Memperolehi pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dalam keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan dibuat oleh pihak pengurusan dan pemegang amanah
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan operasi berterusan asas perakaunan oleh pihak pengurusan dan pemegang amanah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada timbulnya ketidakpastian yang penting mengenai peristiwa-peristiwa atau syarat-syarat yang boleh menimbulkan keraguan penting ke atas keupayaan Dana untuk meneruskan operasi secara berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa adanya ketidakpastian yang penting, kami dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit kami mengenai pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami dikehendaki untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau syarat-syarat masa hadapan boleh menyebabkan Dana untuk berhenti meneruskan sebagai satu operasi berterusan.
- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan transaksi-transaksi dan peristiwa adalah mencapai penyampaian saksama.
- Mendapatkan bukti audit yang mencukupi mengenai maklumat kewangan bagi entiti atau aktiviti-aktiviti Dana untuk menyatakan pendapat mengenai penyatuan penyata kewangan. Kami bertanggungjawab bagi arahan, penyeliaan dan prestasi audit Dana. Kami tetap bertanggungjawab sepenuhnya atas pandangan audit kami.

Kami menyampaikan kepada pihak pengurusan dan pemegang amanah mengenai, antara lain-lain hal, skop yang telah dirancang dan penetapan masa audit dan penemuan penting semasa audit, termasuk sebarang kekurangan penting dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti sepanjang pengauditan dijalankan.


Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Kawal Sedia

Kami membentuk pendapat audit kami keatas penyata kedudukan kewangan Dana berdasarkan maklumat dan penjelasan yang dikemukakan dan seperti yang ditunjukkan oleh buku Dana. Kami telah memperoleh semua maklumat dan penjelasan yang kami perlukan.



KPMG

Juruakam Awam Bertauliah



Hj Shazali bin Tan Sri Dato Hj Sulaiman
Akauntan Awam


Brunei Darussalam

Tarikh: 05 NOV 2019

Kunci Kira-Kira
31 Disember 2014

Nota	2014 \$	2013 \$
Aset Semasa:		
Wang tunai dan dalam bank	1,155,403	1,571,164
Penempatan deposit:		
Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei	4 662,744	420,376
Bank Islam Brunei Darussalam Bhd	5 4,699,210	4,638,040
Penghutang lain	-	150
Jumlah aset semasa	6,517,357	6,629,730
Tanggungan Semasa:		
Pemiutang lain dan akrual	6 (590,703)	(294,578)
Aset Bersih	5,926,654	6,335,152
Dana Terkumpul:		
Baki dibawa ke hadapan	6,335,152	6,905,890
Kekurangan tahun ini	(408,498)	(570,738)
Baki dihantar ke hadapan	5,926,654	6,335,152


Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja
Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji
Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof
(Pengerusi)


Yang Mulia Dr. Dayang Nor
Imtihan binti Haji Abdul Razak
(Pemangku Ketua Pegawai
Eksekutif)

>> Muka 14

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31hb Disember 2014

	Nota	2014 S	2013 S
Pendapatan:			
Sumbangan yang diterima	7	1,047,746	934,648
Keuntungan dan dividen diterima dari penempatan deposit		63,037	21,479
Dividen diterima dari akaun semasa		1,658	4,703
		<u>1,112,441</u>	<u>960,830</u>
Perbelanjaan:			
Sumbangan kepada anak-anak yatim	8	(613,599)	(701,658)
Sumbangan premium insuran kepada Pelan Takaful Siswa untuk anak-anak yatim	9	(907,240)	(829,860)
Perbelanjaan yang lain		(100)	(50)
		<u>(1,520,939)</u>	<u>(1,531,568)</u>
Perbelanjaan bagi tahun kewangan ini		<u>(408,498)</u>	<u>(570,738)</u>

Penyata Aliran Tunai

Tahun Kewangan Berakhir 31hb Disember 2014

	Nota	2014 S	2013 S
Aliran tunai daripada kegiatan pengendalian			
Kekurangan bagi tahun kewangan ini		(408,498)	(570,738)
Kekurangan pengendalian sebelum perubahan dalam modal kerja		(408,498)	(570,738)
Perubahan dalam modal kerja:			
Penghutang lain		150	-
Pendapatan deposit		(303,538)	29,467
Pemiutang lain dan akrual		296,125	46,419
Tunai dihasilkan daripada/(digunakan dalam) kegiatan pengendalian		<u>(7,263)</u>	<u>75,886</u>
Pengurangan bersih dalam wang tunai		<u>(415,761)</u>	<u>(494,852)</u>
Tunai pada permulaan tahun		1,571,164	2,066,016
Tunai pada akhir tahun		<u>1,155,403</u>	<u>1,571,164</u>

Nota-Nota bagi Penyata Kewangan

Sila lihat nota-nota bagi penyata kewangan.

1. Dasar Penubuhan dan Tujuan Dana

- Mengasuh dan membentuk anak-anak yatim menjadi generasi berilmu pengetahuan dan berkemahiran dan berakhlak mulia selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja taat lagi setia kepada Raja, Ugama dan Negeranya dan
- Sebagai satu amal jariah atau sedekah tathauwu' untuk mempertingkatkan dan mengwujudkan rasa kasih sayang, belas kasihan dan pemeduliaan ke atas kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim.

Tujuan Dana ialah untuk membantu anak-anak yatim bagi membolehkan mereka mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan yang sewajarnya dan menjadikan mereka warganegara yang berguna.

2. Ringkasan Dasar-Dasar Perakaunan yang Penting

(a) Asas Perakaunan

Penyata kewangan disediakan berdasarkan konvesyen Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah untuk Anak-Anak Yatim, Bab 185 dan prinsip perakaunan diterima umum di Brunei Darussalam. Penyata kewangan disediakan berdasarkan konvesyen kos silam. Penyata kewangan dinyatakan dalam ringgit Brunei Darussalam, yang merupakan fungsi mata wang.

(b) Pengiktirafan Pendapatan

- Sumbangan yang diterima diiktiraf sebagai pendapatan berasaskan penerimaan.
- Dividen keuntungan yang diterima dan akan diterima dari penempatan deposit diiktiraf sebagai pendapatan berasaskan akrual.

(c) Sumbangan kepada Anak-Anak Yatim

Sumbangan kepada anak-anak yatim diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila pembayaran dibuat.

(d) Pembelanjaan Pentadbiran dan Lain-Lain

Semua perbelanjaan pentadbiran Dana akan ditanggung oleh Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah yang bertanggungjawab ke atas pentadbiran Dana. Pembelanjaan pentadbiran dan lain-lain diiktiraf sebagai pembelanjaan berasaskan akrual.

3. Pendaftaran Anak-Anak Yatim

	2014 Bilangan Anak-Anak Yatim	2013 Bilangan Anak-Anak Yatim
Jumlah anak yatim pada 1 Januari	3,667	3,179
Tambah : Jumlah anak yatim yang berdaftar dengan Dana pada tahun kewangan ini	467	736
	<u>4,134</u>	<u>3,915</u>

Tolak:

Anak yatim yang telah meninggal	-	(2)
Anak yatim yang telah berkahwin	(1)	(1)
Anak yatim yang telah mencapai umur 18 tahun	(275)	(245)
Jumlah anak yatim pada 31 Disember	<u>3,858</u>	<u>3,667</u>

Semua anak yatim yang berdaftar dengan Dana akan menerima sumbangan sebanyak \$500 setiap seorang. Pada tahun kewangan ini, 519 anak yatim telah menerima sumbangan mereka.

4. Penempatan Deposit – Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei

(a) Akaun Simpanan Al – Wadiah

	2014 S	2013 S
Baki diawal tahun	162,251	252,885
Tambah:		
Pemindahan dari BIBD akaun	500,000	450,000
Pemindahan dari simpanan jangka pendek Al-Mudharabah	1,549	1,366
Dividen diterima pada tahun kewangan ini	319	500
	<u>664,119</u>	<u>704,751</u>
Tolak:		
Pemindahan ke akaun anak yatim pada tahun kewangan ini	(259,500)	(542,500)
Baki di akhir tahun	<u>404,619</u>	<u>162,251</u>

Deposit yang ditempatkan di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) adalah dalam akaun simpanan yang mendapat dividen pada kadar 0.5% setahun. Pada tahun kewangan ini, Dana telah memindahkan B\$259,500 bersih kedalam akaun simpanan Dana di atas nama perseorangan anak-anak yatim (yang berjumlah 519) di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Setiap akaun didepositkan dengan B\$500. Ini ditunjukkan sebagai sumbangan kepada anak-anak yatim didalam Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan (lihat Nota 7).

(b) Simpanan Jangka Pendek Al-Mudharabah

	2014 S	2013 S
Baki di awal tahun	258,125	258,125
Tambah:		
Dividen diterima pada tahun kewangan ini	1,549	1,366
	<u>259,674</u>	<u>259,491</u>
Tolak:		
Pemindahan ke akaun simpanan Al-Wadiah	(1,549)	(1,366)
Baki di akhir tahun	<u>258,125</u>	<u>258,125</u>

Deposit yang ditempatkan di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) adalah dalam “TAIB Deposit Certificate” (TDC) berdasarkan konsep Al-Mudharabah dengan ini nisab perkongsian keuntungan sebanyak 70:30 diantara penyimpan dan TAIB.

	2014 S	2013 S
Jumlah (a) + (b)	<u>662,744</u>	<u>420,376</u>

5. Penempatan Deposit - Bank Islam Brunei Darussalam Bhd (BIBD)

(a) Al-Bai'u Bithaman Aajil (BBA)

	2014 S	2013 S
Baki di awal tahun	4,530,615	4,530,615
Tambah:		
Dividen dan keuntungan diterima pada tahun kewangan ini	61,170	61,167
	<u>4,591,785</u>	<u>4,591,782</u>
Tolak:		
Pemindahan ke akaun Al-Wadiah “Call Deposit” pada tahun kewangan ini	(61,170)	(61,167)
Baki di akhir tahun	<u>4,530,615</u>	<u>4,530,615</u>

(b) Al-Wadiah “Call Deposit”

	2014 S	2013 S
Baki di awal tahun	107,425	46,258
Tambah:		
Pemindahan dari akaun Al-Bai'u Bithaman Aajil (BBA) pada tahun kewangan ini	61,170	61,167
Baki di akhir tahun	<u>168,595</u>	<u>107,425</u>
Jumlah (a) + (b)	<u>4,699,210</u>	<u>4,638,040</u>

Deposit yang ditempatkan kedalam pelaburan Al-Bai'u Bithaman Aajil dengan Bank Islam Brunei Darussalam Bhd mendapat keuntungan pada kadar 1.35% setahun. Dividen yang diterima dari pelaburan ini dipindahkan secara bulanan ke dalam akaun the Al-Wadiah “Call Deposit”.

6. Pemiutang Lain dan Akrual

>> Muka 15

	2014 S	2013 S
Pemiutang lain: Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah	(195,783)	(658)
Akrua: Premium insuran kepada pelan Takaful Siswa untuk anak-anak yatim	(394,920) (590,703)	(293,920) (294,578)

7. Sumbangan DiTerima

Sumbangan yang diterima dari ahli kerabat diraja, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan, swasta, persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan dan orang ramai diambil kira berasaskan penerimaan.

8. Sumbangan kepada Anak-Anak Yatim

	2014 S	2013 S
--	-----------	-----------

519 (2013:1085) anak-anak yatim @ B\$500 setiap

seorang (pemindahan ke akaun)	259,500	542,500
Sumbangan peralatan dan keperluan sekolah kepada anak-anak yatim	354,099 613,599	159,158 701,658

Pada tahun kewangan ini, Dana telah membuat sumbangan kepada 519 orang anak-anak yatim dengan membuka akaun simpanan Dana di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB). Setiap akaun didepositkan dengan B\$500. Jumlah sebanyak B\$259,500 telah dipindahkan dari akaun simpanan Dana di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Baki didalam akaun-akaun perseorangan anak-anak yatim ini akan dipindahkan ke akaun simpanan Al-Wadiah apabila mereka mencapai umur 18 tahun (lihat Nota 4).

9. Sumbangan Premium Insuran Kepada Pelan Takaful Siswa Untuk Anak-Anak Yatim

Dana membayar sumbangan takaful atas nama anak-anak yatim terhadap pelan takaful yang ditetapkan oleh Insuran Islam TAIB Sdn Bhd untuk perlindungan mereka, iaitu "Takaful Siswa Khas". Sumbangan adalah \$20 untuk setiap anak yatim setiap bulan, memberikan perlindungan terhadap kematian, kecacatan kekal sepenuhnya dan kemalangan diri bagi anak yatim, dan juga pada penjaga atau ibu mereka.



Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Tawaran :
Pembelian Dua (2) Buah
Personnel Equipment
Transporter (PET)
Bagi Keperluan Operasi
Kawalan Padang Tembak

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu



sebelum tarikh tutup tawaran iaitu
Selasa,
24 Januari 2023.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
31 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang



Bilangan Sebut Harga :
6 / DISEMBER / 2022 / PSB /
PD.575

Tajuk Sebut Harga :
Membekal Perkhidmatan
Menambahbaik Dan Menambah
Nilai Galeri Pameran Pusat
Sejarah Brunei, Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan

2. Bilangan Sebut Harga :
7 / DISEMBER / 2022 / PSB /
PD.575

Tajuk Sebut Harga :
Membekal Perkhidmatan
Mengubahsuai Galeri Pameran
Pusat Sejarah Brunei Fasa 2
Pusat Sejarah Brunei,
Kementerian Kebudayaan, Belia
Dan Sukan

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Khamis,
12 Januari 2023,
Jam 2.00 petang

Pemberitahuan
Iklan Tawaran

Sebut Harga Bagi :

1. Supply Oil and Fuel Filter For
Fire and Rescue Department -
(Ruj: JBP / TSH / 35 / 2022-2023)

2. Membekal Dan Menghantar
Peralatan Pejabat -
(Ruj: JBP / TSH / 36 / 2022-2023)

3. Membekal Dan Menghantar
Peralatan Lampu Elektrik
(Ruj: JBP / TSH / 37 / 2022-2023)

4. Membekal Dan Menghantar
Heat Protection Suit & Trouser
Complete With Handglove,



Helmet and Boot
(Ruj: JBP / TSH / 38 / 2022-2023)

5. Penyewaan Kantin Dewan
Serbaguna Jabatan Bomba Dan
Penyelamat (3 Years Contract)
(Ruj: JBP / TSH / 39 / 2022-2023)

Yuran Tawaran :
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup / Jam Tawaran :
Khamis, 12 Januari 2023,
Jam 1.50 Petang



Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA / FY2022
/ T / GEN / 001
[JPPK / LTK / 13 / 2021(A)]

Tajuk Tawaran :
Three (3) Years Term Contract
For The Operational
Maintenance Of VVIP Housing
Within MINDEF Hiring
Accommodations & Associated
Facilities With Minor Repair And
Alteration Works For RBAF
Facilities Within Protected Area

Tarikh Mula Tawaran :
Isnin,
26 Disember 2022

Kelas :
III dan ke atas sahaja

Kategori :
KA01 & B01

Tempoh Penyediaan Kerja :
Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
seminggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu Selasa,



17 Januari 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
24 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang



Iklan Sebut Harga / Tawaran

Bilangan Tawaran :
PPN / ASSET / BUUMM / QTN /
2022 / 12 / 2

Tajuk Tawaran :
Interior Design and Renovation
Including Supply and
Installation Of Furnishes and
Fixtures For Pantries Room, At
Law and Courts Building,
Attorney General's Chambers,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak



Saleha, Bandar Seri Begawan,
Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Selasa,
3 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang

PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

Tajuk Tawaran :
RTB / K / 195 / 22 - 23 - Supply
for Office Equipment

Bayaran Tawaran :
(Termasuk e-dokumen)
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00
(Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
4 Januari 2023,
Jam 2.00 petang



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga :
(114) INFO / PK / K / 7
(2022-2023)

Tajuk Sebut Harga :
Membekal Dan Memasang
Siling Yang Baharu
Serta Membaiki Bingkai Siling
Yang Rosak

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Rabu, 4 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran :
MINDEF / DFA / INFRA / FY2022
/ T / BKS / 005
[JPPK / LTK / 06 / 2022 (A)]

Tajuk Tawaran :
18 Months Term Contract
For Operational Maintenance
Of Swimming Pool,
Berakas Garrison

Tarikh Mula Tawaran :
26 Disember 2022

Kelas :
III dan ke atas sahaja

Kategori :
KPME01 & KA01

Tempoh Penyiapan Kerja :
Lapan Belas (18) Bulan

Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
seminggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu
Selasa, 17 Januari 2023

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
24 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN
PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA**

Bilangan Tawaran :
JPE / LTK / KOP / 039 / 2022

Tajuk Tawaran :
Supply and Delivery Of 28 FT
Steel Poles

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
24 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut Harga :
(112) INFO / PK / K / 7
(2022-2023)

Tajuk Sebut Harga :
Membekal, Menghantar Serta
Memasang Portable Cabin

Yuran :
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup :
Rabu, 4 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran 1 :
Construction of new covered
Parking at Asset Maintenance
and Engineering Building and
DCA Housing Jalan Berakas,
Department of Civil Aviation
AME / 2023-2024 / SH-01
(Kelas I dan II)

Tajuk Tawaran 2 :
Covered Parking extension
at Parking P3
Brunei International Airport,
Department of Civil Aviation
AME / 2023-2024 / SH-02
(Kelas I dan II)

Tajuk Tawaran 3 :
Term contract for eighteen (18)
months road repair works to
Runway, Taxiway, Apron and
Access Roads at Brunei
International Airport,
Department of Civil Aviation -



FSOR
AME / 2023-2024 / SH-03
(Kelas I dan II)

**Tarikh iklan / mengambil
dokumen tawaran :**
Rabu,
21 Disember 2022

**Tarikh terakhir mengambil
dokumen tawaran :**
Selasa,
17 Januari 2023

Bayaran Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 18 Januari 2023,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Jalan Utama Tanah Jambu,
Negara Brunei Darussalam.

Not Later Than 2.00 PM
On 5 January 2023
(Thursday)



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

Bilangan Tawaran:
MFA / 001 / PENT / SKM / 2022

Tajuk Tawaran :
"Membekalkan Bahan Bacaan
Dan Surat Khabar Tempatan
Dan Luar Negeri Untuk
Kementerian Hal Ehwal Luar
Negeri"

Yuran Tawaran :
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 10 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tajuk Tawaran :
RTB / K / 194 / 22 - 23 -
Term Contract of Twelves (12)
Months Period for Towing
Services for all RTB Vehicles

Bayaran Tawaran :
(Termasuk e-dokumen)
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas (Hardcopy) :
BND5.00

(Jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
4 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang



**PUSAT DA'WAH ISLAMIAH
KEMENTERIAN HAL EHWAL
UGAMA**

Bilangan Sebut Harga:
(41) KHEU.PDI 300-001
JILID 26

Tajuk Sebut Harga :
Sebut Harga Mencetak Diari
Kementerian Hal Ehwal Ugama
1444-1445H / 2023M

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Rabu,
11 Januari 2023,
Jam 2.00 Petang



**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

Jawatan :
Juruteknik Makmal Kanan

Tangga Gaji :
C.1-2 EB.3
(BND1,280 - BND2,270)

Kekosongan :
1 Orang

Jabatan :
Universiti Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Iklan :
7 Januari 2023



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Quotation Notice

Quotation No:
12 / 2022 / KKBS / PPB / 23

Quotation Title:
Kontrak Enam (6) Bulan Kerja-
Kerja Pemotongan Rumput Dan
Pemeliharaan Landskap Di
Pusat Pembangunan Belia,
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan,



جوالن سالیئن گمبر ۲ دیکیتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.
 Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan
 satu keping cd adalah BND21.
 (Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima
 pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam
 laman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)
 dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil
 oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
 JABATAN PERDANA MENTERI,
 LAPANGAN TERBANG LAMA,
 BERAKAS, BB3510,
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400

FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
 KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
 BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN

Isnin - Khamis

8.00 Pagi – 12.00 T/hari

2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu

8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
 Jabatan Perdana Menteri
 Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Disember. - Seramai 18 pegawai dan kakitangan dari Rentokil Initial Sendirian Berhad telah mengikuti Kursus Fire Marshal selama tiga hari bermula pada 19 hingga 21 Disember 2022 bertempat di Balai Bomba Bandar Seri Begawan yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'A', Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).

Semasa kursus dijalankan para peserta didedahkan kepentingan keselamatan kebakaran secara teori dan praktikal mengenai

sebab dan punca berlakunya kebakaran.

Selain itu, kursus tersebut juga memberikan pengetahuan kepada para peserta akan tindakan apabila menghadapi insiden kebakaran di tempat kerja dengan membuat latihan pengosongan bangunan secara ber sistematik.

Seterusnya, peserta juga didedahkan akan tatacara penggunaan alat-alat pemadam api dan selimut api dengan cara yang betul dan cara untuk menyelamatkan diri daripada terperangkap di dalam bangunan

BERSIAP SEDIA HADAPI INSIDEN KEBAKARAN



ANTARA yang menyertai Kursus Fire Marshal selama tiga hari bermula pada 19 hingga 21 Disember 2022 bertempat di Balai Bomba Bandar Seri Begawan yang dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Awam Cawangan Operasi 'A', Jabatan Bomba dan Penyelamat (atas kiri, atas dan bawah).

jika berlakunya kebakaran.

Pada kesempatan ini, JBP ada menyediakan program-program keselamatan seperti Taklimat Mencegah Kebakaran, Life Saver

S995 dan Kursus Fire Marshal bagi mengetahui aspek-aspek keselamatan semasa menangani kecemasan serta mengetahui tatacara yang betul bagi

penggunaan alat pemadam api.

Jika berlaku kecemasan, hubungi Talian Kecemasan 995 dan memberikan maklumat yang tepat.

PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN

NASIHAT AWAM

PIHAK BERKUASA MARITIM DAN PELABUHAN BRUNEI DARUSSALAM (MPABD) TELAH MENGELUARKAN AMARAN AIR PASANG

DIJANGKAKAN PENINGKATAN PARAS AIR PASANG DIANTARA 2.4M DAN 2.9M PADA TARIKH 25 DISEMBER HINGGA 26 DISEMBER 2022

Sila ambil perhatian tentang langkah berjaga-jaga berikut:

- Meletakkan kereta jauh dari kawasan rendah
- Berjaga-jaga semasa memancing berhampiran pantai
- Memastikan aktiviti luar berada di tempat yang lebih tinggi
- Berhati-hati dengan keadaan laut bagi aktiviti marin
- Berwaspada untuk sebarang tanda banjir
- Dapatkan notifikasi amaran cuaca buruk melalui aplikasi BruneiWX

UNTUK SEBARANG KEJADIAN BAHARI SILA HUBUNGI

995 993 123



Bantu kesan seorang remaja perempuan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

MUARA, Sabtu, 24 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang remaja perempuan dalam pencarian.

Butir-butir keterangan mengenai perempuan yang dimaksudkan adalah Nur Fatimah Maisarah binti Mohammad Zainuddin, 16 tahun, dengan nombor kad pengenalan, 01-150468 (kuning).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi Balai Polis Muara menerusi talian +673 2770140 atau Talian Kecemasan Polis 993.



BANTU kesan seorang remaja perempuan dalam pencarian, iaitu Nur Fatimah Maisarah binti Mohammad Zainuddin.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Menghargai dan Memanfaatkan Nikmat Umur'. Tarikh Tutup : 28 Disember 2022
2. 'Martabatkan Khazanah Warisan Budaya Negara'. Tarikh Tutup : 4 Januari 2023
3. 'Terapkan Nilai Positif dan Murni kepada Pelajar'. Tarikh Tutup : 11 Januari 2023

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang.



Jadikan Matematik subjek menarik

MATEMATIK sangat mempengaruhi kehidupan seharian kita. Setiap hari kita menggunakan Matematik dalam kehidupan seharian kita. Oleh itu, adalah wajar subjek matematik dijadikan mata pelajaran wajib dalam sistem pendidikan di negara ini.

Namun tidak semua pelajar meminati mata pelajaran yang berkaitan dengan nombor ini, malahan tidak dinafikan ada antara pelajar menganggap subjek Matematik adalah sukar atau membosankan. Dalam hal ini, kebijaksanaan seseorang guru dalam menarik minat pelajar sangat diperlukan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif. Guru Matematik yang berkaliber akan menggunakan pelbagai kaedah pembelajaran supaya para pelajarnya tertarik dengan subjek berkenaan.

Aktiviti

Ruang Lensa Pelajar keluaran kali ini meninjau aktiviti pembelajaran di salah sebuah sekolah rendah di Daerah Tutong. Sekolah Rendah Binturan, Kluster 5,

seramai 19 pelajar Tahun 1 dilibatkan dengan pelbagai aktiviti bagi menarik minat mereka terhadap subjek Matematik. Bagi topik 'Shapes' atau bentuk, mereka diarahkan untuk membuat gambar-gambar dari bentuk. Kaedah tersebut mempunyai objektif pembelajaran agar para pelajar berupaya membuat pelbagai jenis gambar dari empat bentuk asas. Mereka antara lain diarahkan untuk menyusun bentuk-bentuk mengikut kumpulan masing-masing dan setelah itu menamakan bentuk-bentuk dan membuat gambar-gambar menggunakan empat bentuk asas berkenaan. Untuk melaksanakan aktiviti itu, para pelajar menggunakan sumber-sumber seperti kad imbasan (*flashcards*), objek gambar / konkrit, papan putih kecil, *pen marker*, pemadam dan buku teks Matematik.

Manakala input dari pihak guru pula ialah mengimbas kembali topik terdahulu dengan bertanya soalan kepada para pelajar mengenai sub-topik 'sudut' atau *corner* dan sisi. Kemudian, pihak guru akan meminta para pelajar memberikan contoh bentuk yang terdapat di dalam bilik darjah. Para pelajar

juga akan diminta untuk melukis bentuk di papan putih kecil masing-masing dan mengenal pasti sudut dan sisi.

Aktiviti juga melibatkan para pelajar untuk melihat gambar yang ditunjukkan, setelah itu mereka akan diminta untuk mengenal pasti bentuk yang digunakan untuk membuat gambar berkenaan. Pelajar-pelajar terbabit perlu mengira bilangan bentuk yang digunakan untuk membentuk gambar (2 segi empat tepat, 2 segi tiga dan 1 segi empat sama).

Setelah mengikuti aktiviti ini, para pelajar lebih mudah memahami dan mengenal topik 'bentuk' termasuk mengenali jenis-jenis bentuk serta mencantumkan pelbagai bentuk untuk menjadikannya robot, kereta dan sebagainya. Selain itu, mereka juga menjadi lebih mudah untuk mengingat topik yang diajarkan.

Kreativiti seseorang guru ke arah menarik minat para pelajarnya memang tidak dinafikan sangat diperlukan bagi membantu meningkatkan mutu pembelajaran mereka. Dengan menyelitkan aktiviti dalam sesuatu subjek misalnya akan menjadikan subjek

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Insan Sekolah Rendah Binturan

berkenaan tidak membosankan untuk dipelajari di dalam bilik-bilik darjah. Alat bantu mengajar juga memainkan peranan untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan.

Latar belakang Sekolah Rendah Binturan

Di bawah pengawasan Guru Besar, Dayang Hazibah binti Haji Abdul Manan, Sekolah Rendah Binturan dibuka rasmi pada 23 Januari 1986 oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud, iaitu Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) ketika itu. Sekolah ini terletak di dalam perkhemahan ABDB Penanjong Garrison. Jarak jauhnya dari Bandar Seri Begawan ialah kira-kira 50 kilometer. Penubuhan sekolah ini pada dasarnya adalah bagi memberikan kemudahan dan keselesaan pendidikan kepada anak-anak angkatan tentera yang bertugas di kem berkenaan.





Tingkatkan kewaspadaan semasa musim tengkujuh

Oleh : Nurul Rasyidah
Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

APABILA tiba hujung tahun, Negara Brunei Darussalam sudah pasti akan mengalami fasa pertama Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh di mana seperti biasa keadaan cuaca akan mengalami perubahan yang tidak menentu. Hujan lebat atau ribut petir sekali-sekala akan melanda negara ini dan ianya lazim berlaku pada waktu malam hingga awal pagi.

Dengan perubahan cuaca yang tidak menentu sudah pasti membuat kita sentiasa berwaspada dengan turunnya hujan, angin kencang dan ribut petir dan berisiko terjadinya bencana alam seperti banjir, tanah susur, atap terbang dan pokok tumbang. Disebabkan cuaca yang tidak menentu, keselamatan dan kesihatan adalah hal yang harus kita jaga dengan baik. Tanpa menjaga kesihatan, daya tahan akan menurun dan kita akan mudah dijangkiti dengan penyakit seperti demam denggi, cirit-birit, flu dan malaria.

Banjir merupakan bencana yang sering melanda tibanya musim tengkujuh, terutama di kawasan rendah dan mudah mengalami banjir serta kawasan yang berdekatan dengan tebing sungai. Apabila berlakunya banjir, kita dinasihatkan untuk sentiasa memantau keadaan paras air di luar kawasan rumah dan bersiap sedia untuk menghadapi situasi seperti ini. Bak kata pepatah, 'Sediakan payung sebelum hujan'. Harta benda juga perlu kita selamatkan dan

memindahkannya ke tempat yang lebih tinggi termasuk dokumen-dokumen penting.

Jika terdapat hakisan tanah yang mula menampakkan tanda-tanda hendak runtuh di sekeliling rumah, orang ramai dinasihatkan untuk bersedia akan risiko tanah susur. Jika perlu, tinggalkan atau kosongkan rumah untuk sementara waktu demi keselamatan nyawa. Biasanya, binatang liar atau serangga berbisa seperti ular, lipan, buaya atau kala jengking akan mencari tempat perlindungan seperti di luar kawasan dan di dalam rumah, stor, tandas dan sebagainya. Oleh sebab itu, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dengan persekitaran rumah kita.

Semasa angin kencang, orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak keluar rumah atau memandu kerana dikhuatiri pokok tumbang dan terdapat objek-objek yang diterbangkan angin dan terkena kenderaan semasa memandu, jangan berhenti atau meletakkan kenderaan kita di bawah pokok, tiang elektrik atau mana-mana objek yang tinggi. Apabila berlakunya petir atau kilat, elakkan dari berteduh atau berdiri di bawah pokok tinggi kerana ditakuti pokok akan tumbang atau disambar kilat dan ini boleh membahayakan diri kita. Kita juga dinasihatkan untuk menjauhkan diri dari struktur yang berlogam atau besi.

Memandangkan keadaan cuaca yang tidak menentu, ada baiknya untuk kita tidak

melakukan aktiviti riadah seperti mendaki bukit dan tidak masuk ke dalam kawasan bukit jika keadaan sekeliling atau cuaca sudah mulai gelap atau dalam keadaan hujan. Juga tidak digalakkan untuk pergi secara bersendirian dan hendaklah memaklumkan kepada keluarga atau kawan-kawan tempat riadah yang dituju. Untuk keselamatan, disarankan untuk membawa barang-barang yang diperlukan untuk kegunaan jika berlakunya kecemasan seperti wisel, lampu, telefon bimbit dan air.

Langkah keselamatan ketika musim tengkujuh

Sebagai langkah keselamatan ketika berlakunya hujan yang lebat atau banjir, dinasihatkan untuk tidak menyentuh alat elektrik yang basah atau mana-mana kabel juga wayar yang jatuh kerana ditakuti akan terkena renjatan elektrik. Letakkan peralatan elektrik di tempat tinggi supaya kediaman selamat. Jangan bermain dengan air banjir, longkang atau sungai dan pindah ke pusat penempatan sekiranya diarahkan oleh pihak berkuasa.

Antara lainnya, kita hendaklah bersedia dengan kelengkapan yang sesuai seperti payung dan baju hujan. Elakkan melakukan aktiviti luar saat berlakunya ribut dan petir. Mandi dan bersihkan badan sejeurus selepas terkena hujan. Makan dan minum hidangan yang panas agar dapat mengawal suhu

badan akibat cuaca sejuk. Seterusnya, sentiasa pantau ramalan cuaca dengan menggunakan aplikasi atas talian dan berdoa ketika hujan kerana ia adalah antara waktu yang mustajab untuk kita memohon doa.

Talian bantuan

Jika berlakunya kejadian kecemasan, orang ramai boleh menghubungi talian Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) iaitu 995 dengan memberikan maklumat yang tepat. Selain itu juga, orang ramai dinasihatkan untuk sentiasa mengetahui maklumat keadaan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam dan maklumat terkini cuaca boleh diperoleh melalui Pusat Ramalan Cuaca menerusi Talian 114 atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook [@bruneiweather](https://www.facebook.com/bruneiweather) atau Instagram [@brunei.weather](https://www.instagram.com/brunei.weather). Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam (BDMD) juga telah mewujudkan Aplikasi Bimbit Brunei WX (Weather) sebagai salah satu aplikasi untuk menyampaikan maklumat, nasihat dan amaran cuaca harian terus ke telefon bimbit. Para pengguna aplikasi ini juga akan menerima notifikasi amaran cuaca hujan lebat yang boleh menyebabkan banjir dan juga keadaan angin kencang selain daripada menyampaikan maklumat-maklumat cuaca harian. Oleh itu, orang ramai akan dapat terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan mengambil langkah awal akan terjadinya cuaca aktif yang diramalkan berlaku.



BANJIR KILAT JEJASKAN AKTIVITI PERTANIAN



KEJADIAN banjir kilat berkenaan mengakibatkan banyak batas tanaman ditenggelami air dan menyebabkan kerosakan pada tanam-tanaman (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pertanian dan Agrimakanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Disember 2022. - Hujan lebat berterusan sejak kebelakangan ini menyebabkan berlakunya banjir kilat di beberapa buah ladang di Daerah Brunei dan Muara, sekali gus menjejaskan pelbagai aktiviti pertanian.

Kejadian banjir kilat berkenaan mengakibatkan banyak batas

tanaman ditenggelami air dan menyebabkan kerosakan pada tanam-tanaman.

Kawasan-kawasan yang terjejas ialah Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) di Daerah Brunei dan Muara, iaitu KKP Batumpu; KKP Limpaki; dan KKP Si Bongkok Batong.

Dalam usaha bagi membantu meringankan beban para

peladang, pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan secara berterusan memberikan bantuan dari segi khidmat nasihat dan kerja-kerja pembersihan longkang untuk mengurangkan kejadian banjir.

Selain itu, kerja-kerja penambahbaikan seperti mitigasi

banjir di KKP Batumpu juga sedang giat dilaksanakan pada masa ini.

Manakala di Daerah Temburong beberapa kawasan KKP juga turut mengalami kejadian banjir kilat iaitu KKP Labu Estate yang dimiliki oleh Hamnan Jaya Farm; Rohaiman;

Wina Wiya Enterprise; dan ODE Aquaculture & Agriculture Co.

Sementara di KKP Selangan dimiliki oleh Loong Ji (B) Sdn. Bhd. KKP; Raini81 Enterprise; dan Sanisah Laju Enterprise.

Banjir kilat turut menjejaskan kawasan ladang padi KKP Senukoh.

Kerja penyelenggaraan, mencat pagar jambatan dilaksanakan



PENUTUPAN separuh jalan berkenaan adalah untuk membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dan mencat pagar jambatan berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 24 Disember. - Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai penutupan sementara separuh jalan di jambatan berhampiran kawasan Jerudong Park, Lebuhraya Muara-Tutong bermula pada Ahad, 25

Disember 2022 sehingga Sabtu, 31 Disember 2022, mulai jam 8.30 pagi sehingga jam 5.00 petang.

Penutupan separuh jalan berkenaan adalah untuk membolehkan kerja-kerja penyelenggaraan dan mencat pagar jambatan berkenaan.

Sehubungan dengan itu, pihak

jabatan ingin menasihati kepada para pengguna jalan tersebut untuk memperlakukan kenderaan dan sentiasa berhati-hati di kawasan berkenaan.

Sebarang aduan, orang ramai boleh menghubungi pihak jabatan melalui Talian Darussalam 123 / Livechat Talian Darussalam 123 (+673 8333123) ataupun e-mel : pro@pwd.gov.bn.



Suntikan **AKSIN** COVID-19 diberikan secara **PERCUMA** kepada semua rakyat dan penduduk yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam

www.moh.gov.bn | [f](https://www.facebook.com/moh.gov.bn) | [i](https://www.instagram.com/moh.gov.bn) | [y](https://www.youtube.com/moh.gov.bn) | 148

PEMIMPIN HONG KONG UMUM RANCANGAN BUKA SEMPADAN DENGAN TANAH BESAR CHINA PADA PERTENGAHAN JAN



BEIJING, 25 Dis. - Pemimpin Hong Kong pada Sabtu mengumumkan bandar itu akan membuka semula sempadannya dengan tanah besar China menjelang pertengahan Januari meskipun angka jangkitan COVID-19 meningkat, susulan langkah Beijing menggugurkan sekatan pandemik lapor UPI.

Bercakap pada sidang media sebaik pulang dari ibu negara China, Ketua Eksekutif Hong Kong John Lee berkata pihak berkuasa

menyasarkan untuk membuka semula semua pintu masuk antara kedua-dua pihak secara beransur-ansur, teratur dan menyeluruh.

Beliau menegaskan bahawa tarikh sebenar untuk melonggarkan sekatan adalah terpulang kepada kerajaan pusat.

Saya mengumumkan bahawa pembukaan semula sempadan dengan tanah besar kini boleh dicapai, kata Lee, lapor South China Morning Post.

Kami berhasrat untuk berbincang dengan pihak berkuasa di Guangdong dan rancangan Shenzhen untuk membuka semula sempadan dan kemudian mendapatkan kelulusan (akhir) dari kerajaan pusat.

Hong Kong dan Beijing menutup sempadan mereka pada awal 2020 apabila COVID-19 muncul di bahagian itu.

Shenzhen bersetuju untuk meningkatkan kuota ketibaan harian penduduk Hong Kong

daripada 2,500 kepada 2,800 pada minggu lepas.

Pembukaan semula yang dirancang, bagaimanapun bergantung kepada situasi pandemik.

Pihak berkuasa kesihatan Hong Kong merekodkan lebih 21,000 jangkitan COVID-19 pada Sabtu,

dan kes melebihi 20,000 bagi tempoh dua hari berturut-turut.

Sebanyak 39 kematian turut direkodkan.

Jumlah keseluruhan kes jangkitan di Hong Kong setakat ini berjumlah 2.46 juta kes dan 11,412 kematian direkodkan. - ©BERNAMA

Ciri keselamatan gagal berfungsi, punca nahas pesawat Boeing 737-8 Ethiopia 2019

ADDIS ABABA, 25 Dis. - Nahas pesawat Ethiopian Airlines Boeing 737-8 Max yang mengorbankan 157 orang pada 2019 berpunca daripada kegagalan ciri keselamatan pesawat, menurut pihak berkuasa Ethiopia dalam laporan akhirnya pada Jumaat.

Pada 10 Mac 2019, pesawat ET 302 dalam perjalanan dari Addis Ababa ke Nairobi terhempas beberapa minit sejurus selepas dan mengorbankan semua penumpang dan anak kapal, lapor Xinhua.

Laporan akhir berhubung kemalangan itu menyimpulkan

nahas berkenaan disebabkan oleh kegagalan ciri keselamatan, kata Menteri Pengangkutan dan Logistik Ethiopia, Dagmawit Moges.

"Sensor Left Angle of Attack (AOA) kapal terbang gagal berfungsi selepas berlepas dan mengakibatkan data yang rosak dihantar kepada sistem kawalan penerbangan.

Data yang salah itu seterusnya mencetuskan Manuvering Characteristics Augmentation System (MCAS) hingga menyebabkan juruterbang hilang kawalan," Moges dipetik oleh Agensi Berita Ethiopia (ENA)

sebagai berkata.

MCAS ialah ciri keselamatan automatik yang direka bagi pesawat 737 Max 8.

Moges berkata laporan akhir itu dikeluarkan berdasarkan laporan awal dan interim sebelum ini.

Insiden itu mendorong syarikat penerbangan Ethiopia termasuk banyak syarikat penerbangan lain di seluruh dunia menggantung operasi pesawat Boeing 737 MAX.

Pada Februari, syarikat penerbangan Ethiopia mengembalikan operasi pesawat Boeing 737 MAXnya sejak insiden tragis itu. - ©BERNAMA

Rabuka dilantik Perdana Menteri baharu Fiji

SUVA, 24 Dis. - Ketua parti Perikatan Rakyat (PA), Sitiveni Rabuka dilantik sebagai Perdana Menteri baharu Fiji untuk tempoh empat tahun akan datang selepas sidang Parlimen pertama berlangsung pada Sabtu.

Perbadanan Penyiaran Fiji memaklumkan bahawa Rabuka yang berusia 74 tahun itu memperoleh 28 undi manakala pemimpin parti FijiFirst (FFP) Voreqe Bainimarama memperoleh 27 undi.

Sementara itu, Tui Cakau Ratu

Naiqama Lalabalavu dilantik sebagai Speaker Parlimen yang baharu, lapor Xinhua.

Pada pilihan raya umum yang diadakan Rabu lalu, FFP memperoleh 26 kerusi, manakala PA memenangi 21 kerusi, Parti Persekutuan Kebangsaan (NFP) memperoleh lima kerusi dan Parti Sosial Demokratik Liberal (SODELPA) hanya tiga kerusi.

Di bawah sistem pilihan raya Fiji, sesebuah parti politik boleh membentuk kerajaan jika memenangi 28 kerusi atau lebih.

FFP telah berkuasa sejak 2014, tetapi kali ini parti itu gagal memperoleh majoriti di Parlimen.

PA dan NFP telah pun membentuk gabungan sebelum pilihan raya.

Sementara itu, SODELPA pada Jumaat memutuskan untuk bekerjasama dengan gabungan PA dan NFP bagi membentuk kerajaan campuran, yang kini mempunyai 29 kerusi di parlimen.

Rabuka pernah menjadi perdana menteri Fiji dari 1992-1999. - ©BERNAMA

3 maut, 3 cedera dalam kejadian tembakan di Paris

PARIS, 24 Dis. - Pejabat pendakwa raya Paris mengesahkan tiga orang termasuk seorang wanita dan dua lelaki terbunuh dalam kejadian tembakan pada pagi Jumaat di Paris.

Sementara itu tiga lagi dilaporkan cedera, seorang daripadanya kini dalam keadaan kritikal.

Menteri Dalam Negeri Perancis, Gérald Darmanin berkata "motif sebenar pembunuh" masih belum diketahui.

Darmanin, yang tiba di tempat kejadian petang Jumaat, berkata lelaki bersenjata itu "menyasarkan warga asing", lapor Xinhua.

Suspek warganegara Perancis tidak berada dalam senarai

pemerhatian radikalisme, dan tidak terlibat dalam mana-mana kumpulan ekstrem kanan atau gerakan politik lain yang dibubarkan baru-baru ini, kata menteri itu.

Bercakap kepada pemberita di tempat kejadian, pendakwa raya Paris Laure Beccuau mengesahkan suspek mempunyai dua rekod jenayah lampau.

Lelaki berusia 69 tahun itu didakwa atas keganasan bersifat perkauman dan didakwa cuba mencederakan dua orang dengan pisau di timur Paris tahun lalu.

Presiden Perancis Emmanuel Macron menyifatkan tembakan itu sebagai "serangan keji" di

tengah-tengah Paris.

Suspek melepaskan tembakan pagi Jumaat di tiga lokasi iaitu pusat komuniti Kurdish, restoran dan salon rambut.

Siasatan berhubung kejadian dilakukan sejurus selepas polis berjaya menahan suspek di tempat kejadian.

Sementara itu, menurut Agensi Akhbar Jerman (dpa), Darmanin berkata pengawal penguatkuasa harus ditempatkan di seluruh negara membabitkan kawasan tumpuan masyarakat Kurdish.

Misi diplomatik Turkiye di negara itu juga harus dilindungi untuk mengelakkan kejadian sama berulang. - ©BERNAMA

17 maut akibat ribut salji landa AS

NEW YORK, 25 Dis. - Sekurang-kurangnya 17 orang maut akibat ribut salji melanda Amerika Syarikat (AS) manakala lebih 1.7 juta kediaman dan syarikat dilaporkan terputus bekalan elektrik, lapor Agensi Anadolu memetik media tempatan dan Perkhidmatan Cuaca Kebangsaan (NWS) Sabtu.

NWS mengumumkan bahawa angin ribut yang datang dari arah Artik menjejaskan kira-kira dua pertiga bahagian di AS dan memberi kesan ketara di bahagian tengah dan timur negara pada akhir minggu ini.

Pihak berkuasa memberi amaran bahawa jarak penglihatan menurun kepada sifar akibat ribut salji, dengan tiupan angin mencecah 115 kilometer (71 batu) sejam di beberapa kawasan.

Menurut laman sesawang Power Outage, lebih 1.7 juta rumah dan syarikat perniagaan di seluruh negara terputus bekalan elektrik dan ia mungkin mengambil masa beberapa hari sebelum bekalan elektrik dapat dipulihkan.

Lebih daripada 200 juta orang dijangka terjejas akibat cuaca buruk di AS.

Darurat telah diisytiharkan di beberapa negeri, termasuk New York, Virginia, Kentucky, Georgia, Carolina Utara dan Oklahoma, manakala Presiden AS Joe Biden menggesa rakyat supaya mematuhi amaran itu.

Sementara itu, laman sesawang FlightAware melaporkan bahawa lebih 8,000 penerbangan dibatalkan dan lebih 25,000 penerbangan ditangguhkan menjelang cuti Hari Natal dan Tahun Baharu. - ©BERNAMA

Hujan berterusan tahap waspada di Sabah, Sarawak

KOTA KINABALU, 25 Dis. - Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran hujan berterusan tahap waspada bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang dijangka berlaku hingga Rabu ini.

Keadaan cuaca tersebut di Sabah melibatkan kawasan Pedalaman (Sipitang, Kuala Penyu dan Beaufort), Pantai Barat, Sandakan (Telupid, Kinabatangan, Beluran dan Sandakan), serta Kudat.

Cuaca sama juga dijangka berlaku di Sarawak sehingga esok, membabitkan Miri (Subis, Beluru, Miri dan Marudi) serta Limbang.

MetMalaysia mengeluarkan amaran itu pada 12 tengah hari tadi. - ©BERNAMA

Pencarian diteruskan kesan 17 kelasi Thailand yang masih hilang

BANGKOK, 25 Dis. - Pasukan penyelamat Thailand meneruskan operasi pencarian 17 lagi kelasi yang masih hilang selepas kapal tentera laut karam di Teluk Thailand Ahad lalu.

Pada Sabtu, pasukan penyelamat menemukan mayat enam kelasi HTMS Sukhothai yang hanyut di laut Bang Saphan, Prachuap Khiri Khan.

Komander Tentera Laut Thailand Pichai Lorchusakul berkata bedah siasat dan pengecaman akan dijalankan bagi mengesahkan identiti mangsa dan dijangka mengambil masa tiga hingga empat hari.

"Sehingga kini, terdapat 17 kelasi masih hilang," katanya.

Pada 18 Dis, HTMS Sukhothai yang membawa 105 kelasi mengalami kerosakan enjin dan karam kira-kira 20 batu nautika dari wilayah Prachuap Khiri Khan pada 11.30 malam (waktu tempatan).

Seramai 76 kelasi telah diselamatkan setakat ini.

Pichai berkata tentera laut, tentera udara dan angkatan tentera telah mengerahkan aset termasuk kapal, helikopter dan pesawat untuk menjalankan misi pencarian.

"Agensi kerajaan, sektor swasta, nelayan tempatan serta penyelam turut menyertai misi pencarian bagi mengesan kelasi yang masih hilang," katanya. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



YOUNG WIZARDS FT JUARA LIGA DAERAH TUTONG U-14



PENGETUA Pusat Sejarah Brunei, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong semasa menyampaikan hadiah kepada Young Wizards FT, juara Liga Daerah Tutong U-14 (atas). Sementara gambar kanan, antara aksi perlawanan pada liga tersebut.

BERAKAS, Ahad, 25 Disember. - Pasukan Young Wizards FT muncul juara Liga Daerah Tutong U-14 setelah menewaskan pasukan Wonderteens FT menerusi sepakan penalti setelah terikat 3 - 3, pada perlawanan akhir, yang berlangsung di Kompleks Sukan Tutong, di sini.

Perlawanan akhir yang dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Amatut Daerah Tutong (TDAFA) dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) berkenaan diadakan dengan kiraan masa sebanyak 35 minit bagi setiap babak.

Dua gol bagi pasukan Young Wizards FT dijaringkan oleh Md. Syukri Nizam bin Sharol, manakala satu gol pula dijaringkan oleh Md. Izz Malek bin Haji Md.

Harmaini.

Sementara, Md. Ali Arsyad bin Md. Alihan pula menjaringkan dua gol bagi pasukan Wonderteens FT, dan satu gol lagi dijaringkan oleh Awangku Md. Khairul Aniq Muizzaddin bin Pengiran Md. Hairul Azmi.

Sepuluh masa pertama dimulakan dengan pasukan Wonderteens FT dengan bijak berjaya mengawal permainan dan menjaringkan gol seawal minit ke-19 menerusi Md. Ali Arsyad.

Md. Ali Arsyad seterusnya berjaya mencetak gol keduanya, sekali gus menggandakan jaringan bagi pasukan Wonderteens FT setelah berjaya merembat masuk bola dengan tajam dari luar petak 'D'.

Babak kedua perlawanan pula menyaksikan pasukan Young Wizards FT mulai bangkit dengan menjaringkan gol menerusi Md. Izz Malek, dua minit setelah perlawanan bermula.

Pasukan Wonderteens FT seterusnya melakukan serangan balas dan sekali lagi berjaya mendahului pasukan lawan dengan dua mata menerusi Awangku Md. Khairul Aniq Muizzaddin, pada minit ke-43, yang menjadikan jaringan 3 - 1 berpihak kepada pasukan Wonderteens FT.

Selang lima minit kemudian, Md. Syukri Nizam berjaya menjaringkan gol, seterusnya mengembalikan semangat juang pasukan Young Wizards FT, pada minit ke-48.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Md. Syukri Nizam kemudian muncul wira bagi pasukan Young Wizards FT setelah berjaya menjaringkan gol, pada minit ke-57, seterusnya menjadikan keputusan terikat 3 - 3.

Perlawanan kemudiannya berakhir dan ditentukan dengan sepakan penalti, yang dimenangi oleh Young Wizards FT dengan keputusan, 3 - 1.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Perlukan sokongan, kesabaran, berikan kepercayaan

Siaran Akhbar : Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

MANILA, Ahad, 25 Disember. - Dapat beraksi dalam pentas Kejohanan ASEAN Football Federation Mitsubishi Electric Cup (AFF MEC) 2022 merupakan satu kejayaan dan peluang ini perlu digunakan untuk memajukan para pemain serta menaikkan motivasi berkaitan bola sepak.

Jika ada yang berpendapat pasukan kebangsaan akan meraih kemenangan menentang Thailand nanti atau menentang Filipina tiga hari selepas perlawanan pertama, iaitu dengan berkunjung ke Filipina dan beraksi di padang tiruan, maka mereka tidak mengetahui mengenai bola sepak.

Perkara tersebut ditekankan oleh Ketua Jurulatih Pasukan kebangsaan Brunei Darussalam,

Mario Rivera kepada pasukan media Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) selepas perlawanan menentang Filipina, baru-baru ini.

Menurut Mario Rivera, penyokong pasukan kebangsaan tidak perlu kecewa kerana pasukan ini beraksi dalam Piala AFF selepas 26 tahun bersama barisan pemain yang tidak pernah beraksi dalam liga selama tiga tahun dan mengatasi pelbagai masalah.

Menyentuh mengenai strategi permainan Brunei yang dikatakan sama sahaja oleh pengkritik, menurut Mario, pasukan kebangsaan mengikut strategi yang digunakan semasa menewaskan Laos (pertama dalam sejarah) dan memenangi peringkat kelayakan.

"Sebelum ini, saya tidak tahu apa perancangannya, saya fokus pada masa ini dan masa depan. Peningkatan permainan kami semasa menentang Filipina adalah baik dan ini adalah sasaran kami untuk menjadi lebih baik, setiap perlawanan yang kami hadapi menentang negara-negara yang mempunyai perkembangan yang lebih baik dalam bola sepak, liga profesional selama bertahun-tahun dan dengan ramai pemain naturalisasi," tambah beliau.

Bercakap mengenai haluan yang dituju oleh pasukan kebangsaan, Mario yakin dengan ketabahan para pemain walaupun menghadapi pelbagai cabaran dalam bola sepak moden yang berubah pantas.

"Saya sangat berbangga dengan semua pemain, tetapi

kami harus realistik, pemain kami belum boleh bermain 90 minit dalam tahap intensiti tinggi, bayangkan empat perlawanan dalam 10 hari (negara lain kecuali Indonesia bermain dalam 13 hari), dengan tiga perjalanan panjang melalui penerbangan pada setiap pagi, bermain perlawanan di tempat sendiri di padang neutral, yang mempunyai lebih ramai penyokong pasukan pelawat, sudah tentu bola sepak moden berubah, kerana itu saya di sini, tetapi ia tidak dapat pulih dalam tempoh tiga bulan setengah selepas 20 atau 30 tahun tanpa perkembangan bola sepak," jelas Mario.

Menurut Mario lagi, kebanyakan negara yang berjaya dalam bola sepak di Asia Tenggara, bermula sejak dahulu lagi dengan perancangan pembangunan

untuk tempoh 20 atau 25 tahun.

"Mari kita melangkah ke hadapan, dalam tempoh tiga bulan setengah, kita perlu bermain di AFF dan rekod lain, tetapi kita perlu realistik dan melangkah ke hadapan.

"Terdapat rancangan untuk membangunkan bola sepak di Brunei, tetapi jika orang berfikir, bahawa kita boleh berdepan Thailand, Filipina atau Indonesia selepas tiga bulan setengah, tidak tahu bagaimana keadaan di Brunei. Bola sepak Brunei perlukan sokongan, berikan kepercayaan dan perlu bersabar," jelas beliau.

Pasukan kebangsaan Brunei Darussalam akan meneruskan kempen AFF MEC 2022 menentang Indonesia, di Stadium Kuala Lumpur, Cheras, esok, pada jam 6.00 petang.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SENTIASA BERSANGKA BAIK KEPADA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA